


**Jilid II  
Bil. 34**



**Hari Selasa  
28hb Oktober, 1980**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 4343]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**  
**Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 [Ruangan 4374]**

**USUL:**  
**Anggaran Pembangunan, 1981 [Ruangan 4374]**

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K. (Kimanis).

- Yang Berhormat TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO' HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

Yang Berhormat TUAN LEE KAW (Kluang).

- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (IPOH).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alot Serar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO' HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Selasa, 28hb Oktober, 1980

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)*

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN  
RUMAH API DI PANTAI  
NEGERI KELANTAN

1. **Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa kebanyakan rumah-rumah api di pantai negeri Kelantan sudah tidak menyala dan menyusahkan nelayan di musim gelora. Jika ya, apakah tindakan segera dan pengawasan untuk menjaga supaya rumah-rumah api sentiasa menyala.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya ketahui di antara 7 buah matarah (beacon) di pantai negeri Kelantan, hanya sebuah sahaja yang tidak bernyala, iaitu di Kuala Semerak, kerana kerja-kerja pembinaan semula sedang dilaksanakan.

Penyenggaraan biasa dilaksanakan pada tiap-tiap 6 bulan sejak dari bulan Julai, 1980 di mana penyenggaraan terakhir dibuat, Lembaga Cukai Api melalui pejabat Syahbandar Pantai Timur tidak menerima sebarang laporan mengenai matarah-matarah yang tidak bernyala. Laporan mengenai matarah-matarah, rumah-rumah api dan boya yang tidak menyala harus diadakan/dilaporkan kepada mana-mana Syahbandar seperti di Tumpat atau Kuala Trengganu, supaya Lembaga Cukai Api dapat mengambil tindakan dengan segera. Bagi keadaan di mana tindakan segera tidak dapat dijalankan, 'notice to mariners' akan diedarkan dengan serta merta sementara langkah-langkah diambil bagi memperbaiki matarah-matarah tersebut.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rumah api ini setengah-setengah pihak tidak tahu bahawa ianya di bawah Kementerian Pengangkutan kerana tidak ada pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan yang bertanggungjawab untuk menentukan bahawa rumah api ini sentiasa menyala dan apabila kita rujuk kepada pihak Merin ataupun kita rujuk kepada Jabatan Pengangkutan katanya rumah api bukan tanggungjawabnya. Jadi, saya hendak tahu apabila rumah api itu sudah setahun tidak menyala adakah pihak Kementerian ini mempunyai satu badan pengawas yang menentukan supaya dalam selama sebulan atau dua minggu sekali menentukan tiap-tiap rumah api itu menyala dan berapa lamakah pegawai-pegawai Jabatan Laut ini dapat melawat atau menentukan rumah api itu menyala di tiap-tiap rumah api yang ada di Pantai Timur.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi matarah-matarah, rumah-rumah api dan boya adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Laut yang diawasi oleh Kementerian Pengangkutan dan saya tidak dapat menerima pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian tidak ada pegawai mengawasi mereka. Sebenarnya Kementerian ada pegawai di Jabatan Laut yang sentiasa mengawasi keadaannya.

Walau bagaimanapun, kalau ada tempat di mana matarah-matarah tidak menyala pihak yang berkenaan diminta berhubung secara langsung dengan Jabatan Laut yang ada pejabat di beberapa tempat seperti Tumpat dan Kuala Trengganu.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya lagi, kalau sekiranya rumah-rumah api ini ada pengawasnya iaitu Jabatan Laut mengapa sampai setahun atau enam bulan sampai tiba lagi musim gelora hari ini rumah

api itu tidak dapat diperbaiki atau dinyalakan. Walaupun projek yang hendak dibuat itu lama, memakan masa, apakah langkah segera untuk membaiki atau panduan segera kepada pelaut-pelaut bagi rumah api itu dapat digunakan dengan sempurna.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu menyoal tentang matarah-matarah di pantai negeri Kelantan yang tidak menyala dan seperti saya sebutkan tadi, sepanjang yang Kementerian mengetahui di antara 7 buah matarah di pantai negeri Kelantan hanya sebuah sahaja yang tidak menyala dan kerja pembinaan sedang dijalankan. Jadi, Kementerian mengetahui kedudukannya.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat kepastian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, jikalau kerosakan-kerosakan ini dilaporkan, sama ada Kementerian boleh memberi jaminan bahawa kerosakan ini boleh dibaiki sebelum musim tengkujuh yang teruk pada bulan Disember ini?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan ini lain daripada soalan asal. Saya ingat cukuplah masanya, saya teruskan kepada soalan No. 2.

### KURSUS LATIHAN SEMULA BAHASA MALAYSIA BAGI GURU-GURU

2. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa sejak beberapa tahun yang lalu Kementerian Pelajaran telah menjalankan kursus dalam perkhidmatan yang intensif bagi matapelajaran Bahasa Malaysia untuk guru-guru terlatih yang lemah dalam bahasa itu, tetapi telah tidak menjalankan setakat ini sebarang penilaian bagi menentukan sama ada mereka yang telah mengikuti kursus itu cekap mengajar dalam Bahasa Malaysia atau sebaliknya. Jika sedar, apakah halangan-halangan yang dihadapinya dan nyatakan bagaimanakah cadangan Kerajaan bagi mengatasi perkara-perkara ini.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, memang benar Kementerian saya telah tidak mengadakan

suatu penilaian yang khusus terhadap guru-guru yang telah menghadapi Kursus Latihan Semula Bahasa Malaysia setelah mereka mengajar semula di sekolah-sekolah dan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran telahpun menyentuh tentang perkara ini.

Perlu diingatkan bahawa pada akhir tiap-tiap kursus Bahasa Malaysia ini satu penilaian tentang kefasihan peserta-peserta kursus menggunakan Bahasa Malaysia telah dijalankan dan didapati guru-guru yang kurang fasih adalah kecil bilangannya. Taraf kefasihan mereka ini tidaklah terlalu rendah dan adalah dijangka dengan pendedahan di sekolah yang menggunakan Bahasa Malaysia dan suasana sekolah yang berubah kepada Bahasa Malaysia, maka taraf yang tercapai, walaupun rendah, sudah cukup untuk menjadi asas bagi guru-guru ini memperbaiki kefasihan mereka dalam penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah oleh kerana tidak ada suatu penilaian yang teliti, ini juga telah memberikan suatu keadaan yang boleh menimbulkan kekurangan di dalam pengajaran Bahasa Malaysia yang memang pada waktu ini di dalam keadaan yang merosot mengenai pengajaran Bahasa Malaysia? Dan adakah kefasihan itu sahaja boleh menjamin bahawa pengajaran Bahasa Malaysia itu berada di dalam satu keadaan dan penilaian yang sewajarnya kerana pengajaran Bahasa Malaysia tidak sahaja perlu fasih di dalam pertuturan tetapi penggunaan-penggunaan bahasa dalam tulisan juga diperlukan?

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya katakan tadi perkara ini telah disentuh oleh Jawatankuasa Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran dan mengikut perakuan Jawatankuasa tersebut melalui syornya iaitu Syor 45C dan 97, satu ujian adalah dicadangkan diadakan bagi guru-guru setelah mengikuti kursus Bahasa Malaysia ini. Penilaian ini akan dijalankan apabila Kementerian telah sedia untuk menjalankan ujian itu.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Soalan tambahan. Timbalan Menteri tadi telah menyatakan langkah-langkah itu akan dilaksanakan apabila Kementerian telah bersedia. Bilakah Kementerian ini di dalam

keadaan bersedia kerana sudah tentu ada satu perencanaan yang mungkin dapat diketahui bilakah masanya. Kementerian Pelajaran di dalam keadaan bersedia itu?

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, satu Jawatankuasa di peringkat Kementerian sedang mengkaji segala perakuan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet berhubung dengan Perlaksanaan Dasar Pelajaran. Jadi saya tidak dapat pada masa ini menyatakan bilakah penilaian ini akan dijalankan tetapi kita kira perlaksanaannya tidak berapa lama lagi.

**Dr Chen Man Hin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Timbalan Menteri sedar di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan China dan juga Tamil ibubapa ada banyak komplek mengenai kualiti guru-guru yang mengajar Bahasa Malaysia dan juga keputusan-keputusan (result) dalam Darjah 5 adalah sangat rendah. Oleh sebab itu, adakah Kerajaan apa-apa langkah untuk mengatasi masalah ini?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Itu soalan lain, Yang Berhormat.

### PERTAHANAN LIMA NEGARA— PERATURAN

**3. Datuk Lee Boon Peng** minta Menteri Pertahanan menyatakan sejauh mana pertambahan kerjasama tentera antara Malaysia dan Australia, New Zealand dan Singapura oleh kerana sebagai ahli-ahli kumpulan kepada Penyusunan Pertahanan Lima Negara (Five-Power Defence Arrangement) yang ditandatangani pada 1971 bertujuan memperkuatkan pertahanan udara Malaysia dan Singapura dan sama ada masa sudah sampai bagi melaksanakan Perkhidmatan Nasional (National Service) bagi belia kita atau lain jenis perkhidmatan sukarela dengan pasukan bersenjata itu.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Pertahanan Lima Negara yang ditandatangani dalam tahun 1971 antara Malaysia, United Kingdom, Australia, New Zealand dan Singapura telah memberi sumbangan besar kepada Pertahanan Negara kita. Sumbangan dapat dilihat dari dua segi:

(i) Peraturan ini dengan sendirinya telah menjadi "deterrent" dari sebarang ancaman kekerasan dan pencerobohan

dari luar. Sumbangan ini amat besar ertinya kepada Negara ini kerana ia memberikan "sense of security" kepada rakyat Negara kita; dan

(ii) Sumbangan kedua, yang tidak kurang pentingnya kepada Malaysia dari Peraturan ini, ialah dari segi bantuan yang diberikan oleh Negara-negara ahli yang maju di dalam membangunkan Angkatan Tentera kita. Sejak ditandatangani Peraturan ini, Angkatan Tentera kita telah memperolehi faedah yang besar dari segi latihan, peralatan, bantuan pakar-pakar dan bantuan projek, terutamanya dari Australia. Setakat ini faedah yang diterima itu telah menolong kita sehingga negara ini mempunyai Angkatan Tentera yang maju seperti yang ada pada hari ini. Namun begitu, haruslah diingat bahawa pertahanan negara kita akhirnya adalah terletak dibahu kita sendiri. Oleh itu, Rancangan Pertahanan Negara mestilah ditumpukan ke arah membangunkan keupayaan kita sendiri tanpa terlalu bergantung kepada Peraturan tersebut ataupun sebarang negara luar yang lain.

Matlamat kita ialah berdikari (self-reliance) untuk menghadapi apa jua cabaran kepada keselamatan negara. Dengan matlamat yang saya sebutkan itu tidaklah pula bererti bahawa tugas pertahanan negara ini dipertanggungjawabkan kepada Angkatan Tentera semata-mata. Peranan rakyat juga adalah penting. Kita telahpun ada skim-skim Askar Wataniah dan Rela yang berasas kepada kerelaan di mana rakyat telah melibatkan diri secara langsung dalam pertahanan negara. Skim-skim ini telah berjalan dengan lancarnya hasil dari kerjasama seluruh rakyat.

Oleh hal yang demikian, Kerajaan setakat ini tidaklah bercadang untuk melaksanakan Perkhidmatan Nasional ataupun lain jenis perkhidmatan yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan Au How Cheong:** Soalan tambahan. Memandangkan salah satu negara yang menandatangani dalam perjanjian itu adalah Singapura, adakah Kerajaan kita bercadang untuk meluaskan perjanjian itu dengan negara-negara ASEAN yang lain?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan itu luar daripada soalan asal.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan, Tuan Speaker, Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa buat sementara ini Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan Perkhidmatan Nasional (National Service). Di sini suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa adakah Kerajaan berniat untuk mengadakan satu kajian menyeluruh tentang faedah-faedah yang diperolehi dengan adanya skim Perkhidmatan Nasional memandangkan bahawa ini ialah satu cara yang boleh melibatkan rakyat meneruskan sikap berdikari dalam hal ehwal mempertahankan negara kita.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalannya tadi kalau tidak salah saya telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab lagi sebagai tambahan, silakan.

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, selaku Kerajaan yang dinamik, kita sentiasa membuat kajian-kajian dan di dalam urusan ini juga Kerajaan memang telahpun membuat kajian-kajian, tetapi hasil kajian-kajian itu adalah di dalam pengetahuan Kerajaan sahaja.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan penyusunan pertahanan lima negara ini begitu longgar sekali, maka apakah faedahnya kita meneruskan penyusunan ini sedangkan rata-rata ianya dipersoalkan sebagai tidak selaras dan tidak sesuai dengan konsep ZOPFAN yang diamalkan oleh ASEAN.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bukan soal kelonggaran. Soalnya ialah pertambahan kerjasama tentera antara Malaysia dan Australia. Jadi, tolong tumpukan kalau ada soalan berkenaan dengan itu. Kedua, soalnya ialah Perkhidmatan Nasional (National Service), bukan soal longgar tidak longgar.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada di bawah Five Power Defence Arrangement 1971 ini, Australia dan New Zealand adalah berkewajipan untuk menghantarkan tentera-tenteranya ke Malaysia apabila Malaysia didapati diserang oleh

pihak lain. Kalau ya, apakah reaksi Australia dan New Zealand setakat hari ini di mana ancaman daripada utara walaupun tidak lagi di pintu Malaysia tetapi bayang-bayang telahpun mulai nampak.

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Pertahanan Lima Negara ini adalah "consultative in nature" dan tidak melibatkan mana-mana negara memberi bantuan ketenteraan secara automatik. Sungguhpun begitu, peraturan boleh dibuat dengan persetujuan semua anggota atas cara "bilateral" bagi menjalankan latihan-latihan bersama dan mengaturkan satu sistem pertahanan bersama. Di bawah Peraturan ini pertahanan Malaysia dan Singapura adalah dianggap tidak boleh dipisahkan dan dalam konsep ini satu "Integrated Air Defence System" yang beribu pejabat di Butterworth telah diwujudkan. Australia juga menempatkan dua squadron kapal terbang pejuang "Mirage" di Butterworth.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu pihak Kerajaan Australia pada masa ini sedang memandang berat terhadap keadaan keselamatan di rantau ini dan itulah sebabnya bahawa selain daripada perbincangan diadakan di peringkat Perdana-perdana Menteri, pegawai-pegawai daripada Australia telah juga datang ke negara kita untuk mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai kita di sini.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soal tambahan. Memandangkan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang penyusunan ini hanya merupakan "consultative in nature" sahaja dan setahu saya persetujuan utama ialah kalau terdapat sesuatu pencerobohan terhadap sesebuah negeri maka negeri-negeri yang lain hanya akan berjumpa untuk consult mengenai tindakan yang sesuai untuk diambil. Memandangkan nature penyusunan ini adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa ianya dapat juga dicapai tanpa mengadakan suatu penyusunan yang formal.

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan bahawa di dalam jawapan saya tadi, selain daripada memberikan "sense of security" kepada rakyat negara kita, sumbangan yang diperolehi daripada Peraturan ini termasuklah

bantuan-bantuan seperti latihan, peralatan, pakar-pakar dan sebagainya yang diberi di bawah Peraturan ini. Jadi tidaklah dapat saya mempersetujui pendapat Ahli Yang Berhormat itu yang menyatakan bahawa kalau kita tidak ada apa-apa peraturan, kita boleh juga mengadakan skim pertahanan ini tambahan pula skim pertahanan ini mempunyai banyak faedah-faedah yang lain selain daripada masalah mempertahankan negara kita secara praktik.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau bersetuju dengan pendapat bahawa oleh kerana kita sekarang sedang menghadapi satu masalah yang besar di Indo-China dan bahawasanya kita perlu mengestablishkan diri kita sebagai sebuah negara yang berkecuali dan terlepas dari segala pengaruh Barat dari segi ketenteraan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya bahawa konsep pertahanan lima negara ini sebenarnya sudah lapuk dan perlu dikaji semula.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan itu kalau tidak salah saya Yang Berhormat tidak berkaitan dengan soalan asal tetapi jika Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawabnya, silakan.

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat oleh kerana sebagaimana yang saya katakan tadi, faedah-faedah yang kita perolehi daripada Peraturan Pertahanan Lima Negara ini adalah banyak. Walaupun keadaan kita dalam negara-negara ASEAN disifatkan berkecuali, akan tetapi kita juga mestilah mempunyai satu angkatan tentera yang kuat untuk mempertahankan pengecualian kita itu.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

#### TABUNG AMANAH BAGI PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI

4. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah wang yang ada pada Tabung Pusingan yang ditubuhkan untuk membantu pelajar-pelajar yang perlu bantuan di United Kingdom dan Australia, bilangan pemohon-pemohon yang memohon

bantuan dari Tabung tersebut, bilangan yang berjaya dan asas mana bantuan diberi kepada pemohon-pemohon.

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sekarang mempunyai dua buah Tabung Amanah bagi keperluan bantuan kepada pelajar-pelajar di luar negeri. Satu Tabung Amanah ialah bagi keperluan pelajar-pelajar di United Kingdom dan Eire dan satu lagi bagi keperluan pelajar-pelajar di Australia dan New Zealand.

Bagi keperluan di United Kingdom dan Eire peruntukan Tabung Amanah ini telah ditambah dan sebanyak \$800,000 adalah khas untuk pinjaman kepada pelajar-pelajar per-sendirian yang terpaksa membayar yuran pelajaran mereka lebih tinggi dari apa yang mereka telah rancangan semasa mereka bertolak dari Malaysia dahulu. Bagi keperluan pinjaman ini syarat-syarat berikut adalah dikenakan:

- (1) Warganegara Malaysia;
- (2) Telah mula berkursus di United Kingdom atau Eire sebelum sesi 1980/1981;
- (3) Tidak menerima apa-apa bantuan dalam bentuk pinjaman atau biasiswa dari mana-mana pihak;
- (4) Pendapatan ibubapa atau penjaga tidak lebih daripada \$1,500 sebulan;
- (5) Mengikuti kursus Ijazah Pertama atau Ijazah Lanjutan yang diiktiraf di sebuah institusi United Kingdom atau Eire dan yang berfaedah kepada negara Malaysia;
- (6) Mempunyai rekod kemajuan yang baik dalam pelajaran; dan
- (7) Telah berdaftar dengan Jabatan Penuntut Malaysia United Kingdom sebagai pelajar sepenuh masa.

Dari laporan yang akhir yang telah diterima dari Jabatan Penuntut Malaysia United Kingdom seramai 837 orang telah memohon dan daripada jumlah ini seramai 282 pelajar telah diberi pinjaman dengan nilai pinjaman pada keseluruhannya sebanyak \$677,500.

Bagi Australia dan New Zealand pula satu tabung bagi tujuan yang sama memang telah ada tetapi peruntukan yang khas bagi tujuan

pinjaman untuk menampung kadar yuran pelajaran masih belum diadakan kerana keperluan di Australia dan New Zealand adalah berlainan sedikit iaitu bukan yuran persekolahan yang diperlukan tetapi adalah yuran imigeresen sebagai ganti yuran persekolahan kerana di Australia yuran persekolahan tidak dikenakan dan di New Zealand yuran persekolahannya adalah minima. Kementerian ini masih meneliti keperluan yang sebenar bagi menentukan kadar peruntukan tambahan yang patut diadakan bagi tujuan yang sama seperti di United Kingdom.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Speaker, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sungguhpun tabung untuk United Kingdom ini telah ditambah sebanyak \$800,000 tetapi dari jumlah di mana pelajar-pelajar yang sudah berjaya untuk mendapat bantuan hanya merupakan iaitu 800 lebih yang memohon hanya 200 lebih sahaja yang berjaya diberikan bantuan, ertinya  $\frac{1}{4}$ . Jika Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, maka adakah tabung ini akan dilipatgandakan supaya membolehkan lebih ramainya pelajar-pelajar yang terjerumus dalam keadaan serba salah ini boleh memperolehi bantuan daripada Kerajaan melalui tabung itu.

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa elok saya beri butir yang lebih lanjut. Seramai 837 pelajar telah memohon, telah ditapis sebanyak 608, telah dipanggil temuduga, yang hadir temuduga hanya sebanyak 470 dan daripada angka tersebut sebanyak 282 yang telah diberi bantuan. Jadi yang tidak dapat bantuan ini kerana tidak menepati syarat-syarat yang telah saya sebutkan tadi.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi bahawa daripada wang tabung ini yang berjumlah sebanyak \$800,000 yang diperuntukkan sebanyak hanya \$677,500 telah dikeluarkan sebagai pinjaman kepada 282 orang penuntut. Soalan saya adakah penuntut-penuntut yang tidak berjaya setelah ditemuduga yang kurang lebih 200 lagi itu pernah membuat rayuan kepada pihak yang lebih atasan, sama ada pihak Kementerian atau

pihak Yang Berhormat Menteri sendiri. Kalau ya, berapakah di antara mereka ini telah dipertimbangkan semula?

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada yang telah membuat rayuan terus kepada Kementerian tetapi yang membuat rayuan kepada Jabatan Pelajar kita di United Kingdom tidak ada pada saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak sebut jumlah tabung untuk pelajar-pelajar Australia dan New Zealand. Kalau saya tak silap beliau ada sebut bahawa tabung untuk pelajar-pelajar di United Kingdom dan Eire ialah \$800,000 tetapi tidak ada satu angka untuk Australia dan New Zealand. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan angka di mana diketepikan untuk keperluan ini.

Kedua, kenapa tabung ini belum dilaksanakan untuk pelajar-pelajar yang perlu belajar di Australia dan New Zealand oleh kerana apabila saya berada di Australia dan New Zealand baru-baru ini tidak ada seorang pelajar yang tahu ada tabung semacam ini ditubuhkan untuk membantu mereka yang menghadapi masalah-masalah kewangan, baikpun daripada segi kenaikan yuran persekolahan atau masalah-masalah lain. Bolehkah satu kempen publicity diadakan di mana pelajar-pelajar kita di Australia dan New Zealand boleh dapat faedah?

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah memaklumkan kepada pelajar-pelajar kita di Australia bahawa satu tabung akan diwujudkan bagi menolong dan membantu pelajar-pelajar kita. Jadi satu peruntukan akan disediakan oleh Kerajaan bagi tujuan tersebut dalam masa yang tidak berapa lama lagi.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa bantuan ini akan diberi kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus dalam jurusan-jurusan tertentu yang dianggap akan memberi faedah kepada negara kita. Saya ingin mendapat tahu apakah jurusan-jurusan yang telah ditetapkan oleh Kementerian dari mana pelajar-pelajar Malaysia yang memerlukan bantuan itu boleh memohon untuk mendapatkan bantuan itu.

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh beri butir-butir yang lebih terperinci. Dari-pada jumlah 282 yang telah mendapat bantuan pinjaman tersebut, 28 mengikuti kursus perubatan pergigian dan farmasi, 17 sains dan pertanian, 4 nautical studies dan perkapalan, 118 kejuruteraan, 17 akitek dan sukat, 26 perakaunan, 27 sains komputer dan 45 undang-undang.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Speaker, tadi di antara syarat-syarat untuk kumpulanwang di United Kingdom dan Eire beliau ada berkata tabung ini untuk penuntut-penuntut yang ada di United Kingdom sebelum session 1980/81. Saya rasa sangat terkejut oleh sebab . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tolong tanya soalnya.

**Dr Chen Man Hin:** Ya, sebelum itu saya beri background dahulu. Apa sebab tabung ini tidak ada untuk penuntut-penuntut yang sekarang hendak pergi sebab yuran itu naik tahun/session ini. Jadi tabung ini mesti ada diluaskan kepada penuntut yang hendak pergi sekarang untuk session ini.

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan pokok diadakan tabung pinjaman ini ialah untuk menolong pelajar-pelajar yang terkandas. Jadi pelajar-pelajar yang belum pergi lagi belum terkandas.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Cukup.

#### BADMINTON—GALAKAN KEPADA PEMAIN MUDA

5. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa mutu permainan badminton dari pemain-pemain muda sangat menggalakkan, jika ya, apakah langkah positif untuk meningkatkan lagi pencapaian mutu permainan tersebut; sama ada beliau akan mengarahkan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) untuk menghantar pemain-pemain muda kita berlatih ke Indonesia, Denmark, England dan China untuk menambahkan pengalaman serta mempelajari teknik pemain yang lebih pantas lagi teratur agar Malaysia dapat merampas kembali Thomas Cup ke negara kita. Jika tidak mengapa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sedar. Antara langkah-langkah positif yang diambil oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah menggalakkan Persatuan Badminton Malaysia melibatkan pemain-pemain muda yang berbakat untuk mengambil bahagian dalam kejohanan-kejohanan dalam negeri serta di luar negeri bagi menambahkan pengalaman dan mengujikan kebolehan mereka.

Perkara menghantar pemain-pemain muda kita berlatih di luar negeri seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, maka saya memaklumkan bahawa penyertaan pemain-pemain kita dalam pertandingan-pertandingan di luar negeri adalah juga merupakan latihan kepada mereka. Akan tetapi belum lagi ada rancangan khas untuk menghantar pemain-pemain muda kita ke Indonesia, Denmark, England dan China bagi tujuan latihan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi tahu Dewan ini selama ini apakah pelan induk telah diadakan untuk membolehkan Malaysia merampas balik Thomas Cup ini.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ada mempunyai rancangan yang tertentu bukan hanya untuk mengembalikan Thomas Cup kepada Malaysia bahkan rancangan itu adalah rancangan jangka panjang untuk membolehkan kita mengembalikan cup-cup yang lain juga ke Malaysia.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, bercakap atas soal pencapaian peningkatan mutu ahli-ahli sukan kita, terutama pemain-pemain badminton, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sama ada pihak Kementerian mempunyai satu program yang tersusun untuk meningkatkan mutu makanan bagi pemain-pemain kita yang berbakat, terutama selepas mereka keluar daripada satu-satu latihan pusat.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kita menurut peraturan dan juga mempunyai doktor yang menjaga para pemain-pemain

Sukan kita, Kementerian sentiasa mengikut arahan yang tertentu bukan hanya memberi makanan yang begitu baik untuk memberi tenaga bagi pemain-pemain Malaysia, bahkan hal-hal yang lain bagi latihan fizikal dan sebagainya adalah disediakan serta diberikan kepada pemain-pemain Malaysia.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan bahawa pihak Kementerian ada menyusun rancangan-rancangan tertentu yang bukan sahaja akan membolehkan kita merampas balik Thomas Cup, juga cup-cup lain. Saya cuma hendak tahu apakah cup-cup yang lain? Yang setahu saya hanya Thomas Cup yang kita pernah memegang dan yang telah dirampas. Saya tidak tahu ada cup-cup lain dalam permainan badminton yang dipegang oleh kita yang telah dirampas oleh lain negara. Mungkin yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh menerangkan.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Menglembu itu kurang memahami penjelasan saya. Maksud tujuan saya tadi mengatakan bukan hanya Thomas Cup yang kita akan kembalikan ke Malaysia, bahkan kita harus memberi latihan yang begitu baik supaya pemain kita mendapat kemenangan di mana-mana perlawanan pun, itu maksud saya.

## RUMAH AWAM KOS RENDAH

**6. Tuan P. Patto** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa daripada jumlah rumah awam kos rendah yang dijual akan dibina oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Lembaga Perumahan Pelabuhan Kuantan dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak 29,239 unit, hanya 18,263 unit telah siap dibina sehingga 31-3-1980, jika ya, bolehkah baki sebanyak 10,976 unit boleh siap dibina menjelang 31-12-1980, jika tidak mengapa; dan apakah sebab Kerajaan-kerajaan Negeri Perlis dan Kelantan dan Lembaga Perumahan Pelabuhan Kuantan tidak membina satu unit pun sehingga 31-3-1980.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian saya sedar bahawa daripada jumlah 29,239 unit rumah awam kos rendah yang dijangka siap dibina apabila tempoh Rancangan Malaysia Ketiga berakhir kelak sebanyak 18,263 unit sahaja telah siap dibina pada 31-3-1980. Kementerian saya yakin baki sebanyak 10,976 unit lagi dapat disiapkan dengan sepenuhnya apabila menjelang 31hb Disember, 1980. Ini berdasarkan kepada kerja-kerja pembinaan bangunan bagi kebanyakan projek-projek yang terlibat telah melebihi 75% siap dan berjalan sebagaimana yang dijadualkan.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, suka saya menjelaskan bahawa adalah tidak benar Kerajaan Negeri Perlis dan Kerajaan Negeri Kelantan dan juga Lembaga Perumahan Pelabuhan Kuantan tidak membina satu unit pun sehingga 31hb Mac, 1980 itu. Sebenarnya sehingga tarikh tersebut sebanyak 874 unit sedang dalam pembinaan bangunan di negeri Perlis, sebanyak 1,047 unit sedang dalam pembinaan bangunan di Kelantan dan sebanyak 177 unit rumah dalam peringkat pembinaan bangunan oleh Lembaga Perumahan Pelabuhan Kuantan.

Sebabnya Kerajaan-kerajaan Negeri Perlis dan Kelantan serta Lembaga Perumahan Pelabuhan Kuantan tidak dapat menyiapkan satu unit pun pada 31hb Mac, 1980 ialah kerana pelaksanaan projek-projek di negeri-negeri tersebut dan oleh Lembaga tersebut adalah lewat dimulakan. Kebanyakan projek-projek di negeri Kelantan dan Perlis hanya dimulakan kerja-kerja pembinaan dalam tahun 1977-1978 dan Lembaga Perumahan Pelabuhan Kuantan pada pertengahan 1978. Walau bagaimanapun, bila tempoh Rancangan Malaysia Ketiga berakhir kelak, Kementerian saya menjangkakan sebanyak 1,178 unit di Perlis, 811 unit di Kelantan dan 550 unit di Lembaga Perumahan Pelabuhan Kuantan dapat disiapkan dengan sepenuhnya.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari 1,047 rumah kos rendah yang dibina di negeri Kelantan dan 811 buah rumah dijangka siap menjelang akhir Rancangan Malaysia Ketiga, adakah termasuk dari 811 ini rumah-rumah kos rendah di Jajahan Bachok?

**Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Ya.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, solan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa salah satu sebab utama yang menyebabkan kelambatan pembinaan rumah-rumah murah ini adalah sebab kurangnya kakitangan di Jabatan Perumahan Negara dan juga cawangan-cawangannya di negeri-negeri yang menyebabkan Jabatan ini tidak dapat memberi kerjasama sewajarnya kepada Kerajaan-kerajaan Negeri?

**Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, kita tidak ada mempunyai Lembaga Perumahan Negara. Apa yang kita ada di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ialah Jabatan Perumahan Negara dan Jabatan Perumahan Negara membina rumah-rumah secara terus di beberapa negeri di Malaysia ini dan ada negeri-negeri yang menjadi pelaksana atau pun menjalankan urusan pembinaan rumah-rumah awam kos rendah di negeri masing-masing melalui agensi-agensi mereka sendiri.

Tentang masalah kekurangan kakitangan sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu memang ada berlaku sama ada di dalam Jabatan Perumahan Negara sendiri dan juga Jabatan-jabatan lain di semua peringkat yang bersangkutan dengan pembinaan rumah awam kos rendah ini. Walau bagaimanapun, usaha-usaha telahpun dijalankan bagi mengatasi masalah ini dan adalah dijangka masalah ini akan dapat dikurangkan dari masa ke semasa.

#### **NELAYAN MALAYSIA DIGANGGU DI PERAIRAN ANTARABANGSA**

**7. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kementerian Pertahanan sedar nelayan Malaysia yang menangkap ikan di perairan antarabangsa telah banyak yang diganggu oleh lanun ala tentera asing, jika sedar apakah tindakan diambil untuk menjamin keselamatan nelayan yang berkenaan.

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar tentang adanya gangguan lanun-lanun terhadap nelayan Malaysia. Usaha-usaha telah pun dijalankan untuk mengawal keadaan ini dalam mana kapal-kapal TLDM

sentiasa membuat rondaan di perairan antarabangsa. Selain daripada itu, TLDM juga seringkali melancarkan operasi sapu atau "Sweep" di Selat Melaka, Laut China Selatan dan di perairan Sabah/Sarawak dengan menggunakan beberapa buah kapal. Dalam melaksanakan rondaan dan operasi-operasi ini, di samping menjalankan tugas-tugas demi mempertahankan kedaulatan Negara, kapal-kapal ini juga dipertanggungjawabkan untuk menjaga keselamatan nelayan-nelayan kita terhadap gangguan daripada lanun atau nelayan-nelayan asing.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 8.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Jelutong.

#### **JALAN DI KAWASAN PERUMAHAN PULAU PINANG**

**8. Tuan Karpal Singh** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah wang yang telah diperuntukkan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan untuk meninggikan taraf jalan-jalan terutama sekali jalan-jalan yang terdapat di kawasan-kawasan perumahan di Negeri Pulau Pinang kerana pihak berkuasa tempatan tidak mempunyai wang yang cukup untuk meninggikan taraf jalan-jalan tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan V. Govindaraj):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak ada mempunyai peruntukan khas bagi tujuan untuk meninggikan taraf jalan-jalan yang terdapat dalam kawasan perumahan di negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah pun memberi bantuan kewangan kepada pihak penguasa tempatan Pulau Pinang dalam bentuk gerangan pelancaran, tahunan dan untuk projek-projek pembangunan, dan peruntukan ini bolehlah digunakan untuk membaiki jalan-jalan.

**Tuan P. Pato:** Tuan Speaker, memandangkan pihak Kementerian tidak mempunyai peruntukan khas bagi meninggikan taraf jalan-jalan terutama sekali jalanraya yang terdapat

di kawasan-kawasan perumahan di Negeri Pulau Pinang, adakah pihak Kementerian bercadang untuk menambahkan geran-geran pelancaran itu supaya sebahagian daripada geran-geran pelancaran itu dapat digunakan untuk meninggikan taraf jalan-jalan yang berkenaan itu?

**Tuan V. Govindaraj:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyediakan peruntukan berjumlah \$3,976,875 di bawah Pecahan-kepala (1) Pemberian untuk projek-projek di Kawasan Bandar dan Majlis Tempatan bagi membina dan membaiki jalan-jalan yang tertentu di kawasan penguasa tempatan tetapi jumlah peruntukan seperti yang disebutkan tadi bukan bagi tujuan khas bagi membaiki jalan sub-standard di dalam kawasan-kawasan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga wang sebanyak \$5,634,834 telah diperuntukkan di bawah Pecahan-kepala (2) seperti berikut: Geran Pelancaran . . . . .

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, maksud saya adakah peruntukan tambahan?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ya, saya tahu Yang Berhormat. Saya hendak beri dia peluang menghabiskan jawapannya. Teruskan Yang Berhormat!

**Tuan V. Govindaraj:** Saya minta Yang Berhormat itu sabar.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalnya adakah hendak beri tambahan peruntukan itu atau tidak, itu sahaja.

**Tuan V. Govindaraj:** Ada tambahan.

**Tuan P. Patto:** Maksud saya tadi ialah Yang Berhormat itu mengatakan tidak ada peruntukan khas bagi meninggikan taraf jalan-jalan. Jadi saya cuma hendak tahu sama ada geran-geran pelancaran itu akan ditambah supaya sebahagian daripada geran-geran itu dapat digunakan untuk jalan-jalan yang berkenaan. Itu sahaja soalan tambahan saya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak tambah?

**Tuan V. Govindaraj:** Tidak.

### LAWATAN MENGEJUT KE JABATAN KERAJAAN— PASUKAN PELAWAT

**9. Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kesan positif yang diperolehi hasil daripada Pasukan Pelawat membuat lawatan dan pemeriksaan mengejut di jabatan-jabatan Kerajaan seluruh negara yang bertujuan untuk memperbaiki pentadbiran jabatan-jabatan Kerajaan.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan utama Pasukan Pelawat adalah untuk membantu jabatan-jabatan Kerajaan dalam memperbaiki pentadbiran mereka supaya taraf perkhidmatan yang diberi kepada orang ramai dapat dipertingkatkan lagi. Pasukan Pelawat memberi perhatian khas kepada perkara-perkara mengenai ruang pejabat, keperluan kakitangan, peralatan dan mesin dan kemudahan-kemudahan serta layanan yang diberikan kepada orang awam. Kesan yang diperolehi dengan lawatan tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Mesin-mesin lama digantikan dengan mesin-mesin baru.
- (2) Kaunter tambahan telah disediakan untuk kegunaan orang ramai dan lain-lain lagi kemudahan-kemudahan yang diperlukan.

Berbagai syor lain juga telah dicadangkan untuk memperbaiki pemberian perkhidmatan kepada orang ramai seperti tambahan kakitangan dan penyediaan bilik-bilik menunggu yang lebih selesa.

Dalam lawatan-lawatan yang telah dijalankan adalah didapati kebanyakan jabatan-jabatan yang berkenaan berjalan dengan licin dan sempurna. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Biro Pengaduan Awam pada masa ini juga sedang mengkaji untuk memastikan ianya dapat memberikan sumbangan yang lebih berkesan dalam pengawasan perkhidmatan awam di semua peringkat.

Kajian-kajian ini termasuk kemungkinan meluaskan lagi perkhidmatan Biro ini ke peringkat negeri dan untuk menambahkan lagi pegawai-pegawainya supaya pemeriksaan mengejut kepada pejabat-pejabat Kerajaan dapat dijalankan dengan lebih sempurna lagi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada berapa orang anggota Pasukan Pelawat itu dan soalan yang kedua tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai Biro Pengaduan Awam, di sini suka saya bertanya sama ada di samping mengadakan satu Biro Pengaduan Awam, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu yunit aduan di tiap-tiap jabatan Kerajaan untuk memudahkan orang ramai membuat aduan tentang perkhidmatan yang mereka anggap tidak memuaskan hati.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, pasukan yang melawat ke jabatan-jabatan Kerajaan itu adalah terdiri dari beberapa orang pegawai-pegawai Kerajaan. Banyaknya pegawai-pegawai yang dikehendaki adalah terpalang kepada banyaknya pejabat-pejabat yang hendak dilawati dalam tempoh masa yang tertentu.

Mengenai cadangan hendak mengadakan satu seksyen khas di tiap-tiap pejabat untuk menerima pengaduan, saya rasa memang pada masa inipun tiap-tiap jabatan Kerajaan sentiasa menerima apa juga pengaduan yang diberikan ataupun aduan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan. Biro Pengaduan Awam hanyalah sebagai satu lagi tambahan kepada orang awam jika tidak mahu membuat pengaduan kepada jabatan berkenaan, maka bolehlah terus sahaja membuat pengaduan kepada Biro Pengaduan Awam.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Yang Berhormat Menteri berkenaan mengatakan bahawa beberapa perkara telah diperbaiki di dalam bentuk alatan dan juga ruang pejabat. Soalan saya di dalam lawatan-lawatan yang dibuat oleh Pasukan Pelawat tersebut adakah dapat juga dikesan tentang kekurangan kecekapan pegawai-pegawai di pejabat-pejabat tersebut, kalau sekiranya ada apakah tindakan-tindakan yang setimpal yang telah diambil terhadap pegawai-pegawai yang berkenaan.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Jabatan Kerajaan ataupun pegawai-pegawai Kerajaan telah melaksanakan tugas mereka dengan sempurna, namun demikian memanglah seperti kita juga sebagai manusia biasa mungkin terdapat satu dua orang pegawai yang mungkin lalai, dan di dalam perkara ini apabila didapati satu dua orang pegawai lalai maka tindakan-tindakan yang wajar akan diambil terhadap pegawai berkenaan.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan berapa kalikah Pasukan Pelawat ini telah melawat Jabatan-jabatan Kerajaan di negeri Kedah sepanjang tahun 1979 dan 1980 kerana setahu saya tidak pernah dengar tentang lawatan Pasukan Pelawat ini.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang diperlukan oleh Yang Berhormat itu tidak ada kepada saya, saya mohon notis. Tetapi walau bagaimanapun, ingin saya terangkan lawatan ini diteruskan dari masa ke semasa, lawatan ini tidaklah diumumkan kerana ianya ialah bertujuan untuk melawat secara mengejut maka itu dapat dipastikan bahawa pelawat-pelawat ini dapat menjalankan tugas dengan secara mengejut supaya tidak diketahui dengan lebih awal.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sekalian, masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 21 adalah diberi di bawah ini).*

## PEGAWAI PERUBATAN/PAKAR PERUBATAN DI SABAH

**10. Tuan Hiew Nyuk Yin** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa banyakkah jawatan Doktor dan Pakar-pakar Perubatan yang terdapat di Sabah dan berapakah di antaranya telah diisi sejauh ini.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 103 jawatan Pegawai Perubatan dan 27 jawatan Pakar Perubatan di Sabah. Setakat ini 73 jawatan Pegawai Perubatan dan 11 jawatan Pakar Perubatan telah diisi.

## PENGANGKUTAN AWAM DI KUALA LUMPUR

**11. Tuan V. David** minta Menteri Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar pengangkutan awam di Kuala Lumpur adalah dalam keadaan kelim kabut sehingga orang ramai tidak dapat bergantung kepada pengangkutan awam kerana perkhidmatannya adalah tidak teratur dan tidak memenuhi kehendak pengguna-pengguna yang tinggal di kawasan-kawasan perumahan baru dan di sepanjang "Feeder Roads". Apakah beliau akan menimbang untuk menyusun semula sistem pengangkutan awam serta juga memastikan satu perkhidmatan bas yang teratur dan cekap disediakan kepada penduduk-penduduk di Bangsar Park, Taman Seputeh dan Taman Desa di Kuala Lumpur dengan segera.

**Dr Goh Cheng Teik:** Saya berpendapat sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur tidaklah dalam keadaan kelim kabut dan tidaklah pula tidak teratur pada keseluruhannya. Walau bagaimanapun, masih banyak lagi perubahan yang perlu untuk membaiki sistem ini supaya ianya lebih cekap.

Kementerian saya sentiasa bekerjasama dan membantu pihak Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian Perusahaan Awam dalam kerja-kerja menyusun semula laluan-laluan bas bagi satu-satu kawasan termasuklah kawasan-kawasan Bangsar Park, Taman Seputeh dan Taman Desa.

### BIASISWA UNTUK DISELARASKAN

**12. Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil berhubung dengan cadangan untuk menyelaras biasiswa yang dikeluarkan oleh semua agensi dalam negeri kepada pelajar-pelajar yang belajar di luar negeri. Adakah Kementerian ini mempunyai cadangan yang serupa kepada pelajar-pelajar yang belajar di dalam negeri.

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Untuk makluman Yang Berhormat bagi maksud mengawasi pelbagai perkara berkaitan dengan biasiswa satu Jawatankuasa Penyelaras telah dibentuk di bawah Kementerian Pelajaran dan Jawatankuasa ini akan menyelaraskan semua pemberian biasiswa oleh agensi Kerajaan baik di peringkat

pusat, negeri dan juga badan-badan berkanun. Jawatankuasa ini juga akan mengkaji bukan sahaja masalah-masalah berkaitan dengan pentadbiran biasiswa dan kadar bayaran biasiswa tetapi termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan pelajar-pelajar di seberang laut seperti penempatan mereka di institusi-institusi pengajian tinggi yang perlu dipilih, kebajikan pelajar-pelajar dan juga nasihat kepada semua penganjur-penganjur dan lain-lain lagi.

Penyelarasan adalah perlu dibuat memandangkan dengan bertambahnya bilangan pelajar-pelajar yang ditaja dan dihantar oleh beberapa penganjur-penganjur ke luar negeri. Jika ada timbul apa-apa perkara yang tidak sehat atau tidak seimbang di kalangan pelajar-pelajar Jawatankuasa ini akan bertugas mencari penyelesaian serta membuat perakuan tentang langkah-langkah wajar yang harus diambil oleh pihak-pihak penganjur.

Jawatankuasa ini akan juga menyelaraskan perkara-perkara berkenaan dengan biasiswa yang diberi oleh penganjur-penganjur kepada pelajar-pelajar di dalam negeri.

### GURU-GURU DALAM PERKHIDMATAN PELAJARAN—GRED SEKOLAH-SEKOLAH

**13. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Pelajaran menyatakan dalam menaikkan pangkat guru-guru selepas penyelarasan kenaikan pangkat pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Pelajaran dibuat, tidakkah terlintas oleh Kementerian untuk mengesahkan kenaikan pangkat mereka dan selepas enam bulan memangku berapa lamakah masanya yang diambil oleh Kementerian untuk mengesahkan mereka di dalam jawatan baru.

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya bukan mengadakan penyelarasan kenaikan pangkat pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Pelajaran tetapi ialah menjalankan urusan menggredkan sekolah-sekolah, dan berbangkit dari itu jawatan-jawatan naik pangkat telah terwujud. Jawatan-jawatan ini telah diisi berasaskan kepada kelayakan, kelulusan, pengalaman dan kesesuaian pegawai-pegawai yang berkenaan.

Untuk mengesahkan kenaikan pangkat seseorang pegawai itu beliau perlu dinilai kerja dan prestasinya terlebih dahulu. Tempoh enam bulan digunakan hanyalah sebagai panduan kasar sahaja untuk penilaian ini, dan bukanlah hak mutlak seseorang itu untuk disahkan dalam jawatan naik pangkat yang disandangnya. Oleh yang demikian, proses sebenar dalam urusan kenaikan pangkat adalah memakan masa lebih daripada enam bulan.

### **PENDAFTARAN CAP PERDAGANGAN—KELAMBATAN**

**14. Tuan Ting Chek Ming** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kelambatan dalam Jabatan-jabatan Kerajaan iaitu Pendaftaran Cap Perdagangan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyebabkan kesusahan kepada rakyat dan jika sedar, sama ada beliau akan mengeluarkan arahan kepada Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan untuk menghadkan masa menjawab pertanyaan daripada orang awam dan juga mengamalkan "datang dahulu dilayan dahulu" (first come, first served) supaya dapat mengelakkan pilih kasih dan mengurangkan rasuah.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bruas, kelambatan menjawab pertanyaan dari orang awam berhubung dengan Pendaftaran Cap Dagangan adalah disebabkan Jabatan tersebut menerima terlalu banyak surat-surat yang menanyakan kedudukan permohonan yang dibuat. Bilangan surat-surat yang diterima setiap hari adalah lebih kurang 100 surat. Sebelum sesuatu surat diberi jawapan, fail yang berkenaan hendaklah dicari untuk mencari kedudukan permohonan itu. Perlu juga saya maklumkan bahawa pemohon selalu menulis surat peringatan dan sebelum sempat surat itu diberi jawapan, fail-fail berkenaan terpaksa diambil semula untuk memasukkan surat yang baru. Oleh yang demikian pegawai yang berkenaan tidak sempat mengambil tindakan mengenai perkara tersebut.

Satu perkara lagi ialah kebanyakan orang-orang awam yang membuat permohonan tidak memahami akan tatacara (procedure) Pendaftaran Cap Dagangan

yang tindakan boleh diluluskan dan mendapat sijil sebaik sahaja permohonan itu diterima. Tatacara yang praktikal yang diamalkan mengambil masa untuk dibuat pemeriksaan rasmi ke atas setiap permohonan yang diterima di dalam sesuatu bulan dan di dalam 34 kelas-kelas barang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya amalan datang dahulu dilayan dahulu terhadap permohonan Cap Dagangan sememangnya diikuti di dalam tatacara pemeriksaan rasmi ke atas permohonan yang diterima. Kelas-kelas yang mempunyai permohonan yang sedikit bilangannya sudah tentu dapat diproses lebih cepat daripada kelas-kelas yang mempunyai beratus-ratus permohonan. Juga permohonan yang tidak bertelingkah dengan permohonan yang telah didaftarkan dan tidak pula dibantah di bawah Seksyen 18 Trade Marks Ordinance diluluskan lebih awal dari permohonan yang menyerupai bertelingkah dengan permohonan yang telah didaftarkan dan juga dibantah di bawah seksyen Ordinan tersebut, oleh kerana cap berkenaan tidak nyata untuk didaftarkan. Soal pilih kasih terhadap permohonan tidak diamalkan oleh kerana setiap Cap Dagangan yang diluluskan akan diiklankan di *Warta Kerajaan* sebelum didaftarkan dan diberi sijil. Semasa cap-cap tersebut diiklankan orang-orang awam adalah diberi peluang untuk membangkang cap-cap yang difikirkan menyerupai cap mereka dalam tempoh 2 bulan dari tarikh cap-cap itu dikeluarkan.

Berhubung dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan-jabatan di bawahnya adalah merupakan Jabatan-jabatan yang mempunyai kaitan dengan keselamatan negara. Oleh yang demikian, dalam kebanyakan kes yang dikendalikan oleh Jabatan tersebut adalah memerlukan penelitian yang rapi.

Peraturan-peraturan yang ada sekarang di Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah mencukupi. Dengan itu arahan-arahan kepada Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah tidak perlu.

### **GAJI PEKERJA-PEKERJA HOTEL/MOTEL**

**15. Tuan Awang bin Jabar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kementeriaannya bercadang untuk

mengkaji kedudukan gaji pekerja-pekerja hotel/motel di bawah Perbadanan Kemajuan Pelancungan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Semua pembayaran gaji kepada pekerja-pekerja hotel/motel yang diselenggarakan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancungan adalah dibayar selaras dengan kadar-kadar bayaran yang dibuat oleh hotel/motel yang setanding dengannya terutama dengan hotel/motel yang terdapat di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Sungguhpun pada masa ini Perbadanan tidak bercadang untuk mengkaji kedudukan gaji pekerja-pekerja hotelnya tetapi jika keadaan memerlukan Perbadanan bersedia berbuat demikian.

#### KEMATIAN SABARIMUTHU DI HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR

**16. Tuan V. David** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar perkhidmatan di Hospital Besar, Kuala Lumpur kian merosot dan bolehkah beliau menerangkan sebab-sebab yang menyebabkan kematian Encik Sabarimuthu a/l Soosai (No. K/P: 8375710, Rujukan Hospital: F/208/79) pada 20-6-79 di mana adalah diangapkan bahawa kematian beliau disebabkan kecuaihan pihak hospital.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Ahli Yang Berhormat telahpun meminta saya memberikan jawapan bertulis kepada soalan beliau yang lalu mengenai kematian Encik Sabarimuthu a/l Soosai di persidangan Dewan Rakyat yang lalu. Kementerian Kesihatan telahpun memberikan jawapannya kepada soalan ini pada 8hb April, 1980.

Dalam jawapan tersebut kami telahpun menerangkan bahawa mendiang Encik Sabarimuthu telah diberi segala rawatan yang boleh akibat luka parah ditetak di siku kiri beliau, yang melibatkan salurnadi (artery), urat saraf (nerve) dan tulangnya. Memandangkan beliau berada di dalam keadaan terpanjat (shock) semasa dimasukkan ke wad, beliau telah diberi rawatan pemulihan seperlunya dan dibedah pada hari yang sama. Namun demikian, beliau telah meninggal dunia disebabkan oleh "septicaemia", yang mana saya telah difahamkan oleh pihak-pihak berkuasa Hospital ini, iaitu suatu komplikasi akibat dari luka-luka yang teruk.

Walaupun beliau pernah mengadu mengenai sakit dada, pemeriksaan menunjukkan bahawa jantungnya berada di dalam keadaan biasa. Beliau telah diberikan 10 pain darah semasa dirawat.

Mendiang telah diberi segala rawatan perubatan yang boleh termasuklah perkhidmatan doktor-doktor dan pakar-pakar. Oleh hal yang demikian, tidaklah adil dan patut Ahli Yang Berhormat membalas budi perkhidmatan ini dengan membuat tuduhan-tuduhan yang tidak berasas menyatakan bahawa Hospital Besar Kuala Lumpur tidak memberikan rawatan yang sewajarnya terhadap kes ini.

#### SENKETA SEMPADAN THAI-VIETNAM

**17. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Pertahanan menyatakan bagaimanakah sengketa sempadan Thai-Vietnam mengakibatkan Malaysia, dan sama ada Malaysia akan menimbang menghantar askar-askar untuk membantu mempertahankan Negeri Thai jika sekiranya berlaku penaklukan Negeri Thai di bawah tajaan Vietnam.

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Sengketa sempadan Thai-Vietnam mengakibatkan Negara kita dari sekurang-kurangnya tiga segi iaitu:

- (i) Sebarang pencerobohan Vietnam ke atas Negeri Thai adalah melanggar prinsip asas perhubungan antara-bangsa yang menghendaki setiap Negara menghormati kemerdekaan, kedaulatan serta keutuhan Negara jirannya. Ia juga bertentangan dengan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu yang menolak penggunaan kekerasan di dalam penyelesaian masalah antarabangsa.
- (ii) Sebarang pencerobohan besar oleh Vietnam ke atas Negeri Thai akan secara tidak langsung menjejaskan keselamatan Negara kita; dan
- (iii) Pencetusan peperangan di wilayah utara Negara kita akan memburukkan kestabilan wilayah rantau Asia Tenggara ini dan mungkin memberi peluang kepada kuasa-kuasa besar untuk campur tangan di dalam rantau ini. Ini adalah juga bertentangan dengan konsep pengecualian ASEAN. Berasaskan kepada sebab-sebab yang saya sebutkan tadi, Kerajaan menganggap betapa

perlunya kita bekerjasama dengan Negara jiran kita untuk menjamin kestabilan di rantau ini. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri di Dewan Negara pada 11hb Disember, 1979 yang lalu, Kerajaan mungkin akan menawarkan bantuan kepada Thailand, termasuk bantuan tentera, jika Negara tersebut diserang oleh Vietnam.

### **SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (C) KHAI MUN BENTONG— GELANGGANG BOLA KERANJANG**

**18. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab mengapa Jabatan Pelajaran Negeri Pahang tidak membenarkan Cawangan DAP Bentong untuk menggunakan gelanggang bola keranjang kepunyaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Khai Mun (Pagi), Bentong, untuk menganjurkan pertandingan bola keranjang pada bulan September tahun ini sedangkan partai-partai komponen Barisan Nasional dibenarkan menggunakan gelanggang tersebut untuk menganjurkan pertandingan-pertandingan semumpama itu.

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Jabatan Pelajaran Pahang tidak membenarkan DAP Cawangan Bentong menggunakan gelanggang bola keranjang kepunyaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Khai Mun (Pagi), Bentong oleh kerana pertandingan tersebut hendak diadakan dalam bulan September 1980 semasa dalam penggal persekolahan.

Mengikut rekod yang terdapat di sekolah tersebut, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, tidak ada kebenaran diberikan kepada mana-mana parti politik untuk menggunakan gelanggang bola keranjang sekolah tersebut untuk pertandingan. Kebenaran hanya telah diberikan kepada Persatuan Bola Keranjang Daerah dan Negeri untuk menggunakan gelanggang itu dari masa ke semasa untuk pertandingan peringkat daerah atau negeri bila pertandingan itu tidak mengganggu dengan perjalanan kegiatan-kegiatan sekolah.

### **BUMIPUTRA DI UNITED ASIAN BANK**

**Tuan Ikhwan bin Nasir** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada the United Asian Bank telah mengambil langkah-langkah

perlu selaras dengan semangat Dasar Ekonomi Baru dalam pengambilan pegawai-pegawai Bumiputra.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah):** Saya telah diberitahu bahawa United Asian Bank sedang mempergiatkan usahanya untuk menambahkan bilangan kakitangan Bumiputra terutama sekali di peringkat pengurusan kanan dan penyeliaan supaya selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Bank tersebut telah menyediakan satu rancangan pengambilan kakitangan Bumiputra yang teratur dan telahpun membiayai beberapa pegawai graduan Bumiputranya untuk mengikuti latihan khas yang intensif dalam bidang bank dan kewangan. Seterusnya beberapa biasiswa telah diberikan kepada pelajar-pelajar Bumiputra untuk mengikuti pelajaran tinggi di Universiti-universiti yang mana selepas tamat pengajian nanti mereka akan diambil berkhidmat di bank tersebut.

### **PENANGKAPAN PEMIMPIN-PEMIMPIN PERTUBUHAN ANGKATAN SABILULLAH (P.A.S.)**

**20 Dato' Haji Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kenapakah terdapat perbezaan dalam cara menghebahkan maklumat berkenaan dengan penahanan dan tangkapan pemimpin-pemimpin Pertubuhan Angkatan Sabilullah (P.A.S.) di Kedah kerana setengahnya diumumkan menerusi TV dan Radio dan setengah lagi dibuat oleh pihak pegawai Polis, itu pun selepas dari hal ini diketahui oleh umum dan adakah Kerajaan bercadang menuduh mereka ini di mahkamah pengadilan.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Pengumuman Kerajaan mengenai penahanan dan tangkapan pemimpin-pemimpin Pertubuhan Angkatan Sabilullah (P.A.S.) telah dibuat melalui TV dan Radio untuk menerangkan dengan seluas-luasnya tentang kegiatan pertubuhan haram itu yang menjadi dalang kepada tunjuk perasaan di Alor Star pada 23-1-1980 supaya orang ramai dapat memahami kedudukan sebenarnya dan dengan itu mereka tidak menjadi cemas dan takut.

Pihak Polis di samping bertanggungjawab ke atas hal-hal keselamatan dan ketenteraman awam juga bertanggungjawab untuk membuat sebarang kenyataan pada bila-bila masa yang

difikirkan perlu untuk pengetahuan umum di samping memberi keterangan yang sebenarnya berlaku terhadap sesuatu situasi berhubung dengan keselamatan negara.

Oleh kerana mereka yang berkenaan telah ditahan di bawah peruntukan Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1980, Kerajaan tidak bercadang untuk membawa mereka ke mahkamah pengadilan kerana tidak ada peruntukan dalam Akta tersebut yang membolehkan mereka didakwa di mahkamah.

### SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (C) CHONG KUAN—PEMBINAAN

21. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar sekolah cadangan baru untuk SRJK (C) Chong Kuan, Sungai Bakap, ditapak yang dibelinya telah tergendala kerana bantahan dari UMNO Cawangan Sungai Bakap; jika ya, apakah asas untuk Kementerianya melayani bantahan ini dan sama ada Kerajaan akan menyediakan tapak lain untuk sekolah ini; jika ya, di mana dan bila pembinaan sekolah baru akan dimulakan.

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Kementerian Pelajaran sedar bahawa projek pembinaan SRJK (C) Chong Kuan, Sungai Bakap telah tergendala kerana terdapat bantahan dari UMNO Cawangan Sungai Bakap. Kementerian Pelajaran mendapati tapak sekolah yang dicadangkan itu terletak dalam kawasan yang kebanyakan penduduknya adalah orang-orang Melayu dan jauh dengan perkampungan penduduk-penduduk China yang mana sekolah tersebut dibina. Oleh itu, ia adalah bertentangan dengan hasrat Kementerian Pelajaran untuk menempatkan sekolah-sekolah supaya dapat memberi khidmat serta kemudahan yang sebaik-baiknya kepada penduduk-penduduk yang berhampiran sekali dengan sekolah tersebut. Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran telah mendapatkan satu tapak baru di Daerah Seberang Prai Selatan, Pulau Pinang untuk menggantikan tapak tersebut dan pembinaan sekolah ini akan dijalankan secepat mungkin apabila penyediaan tapak baru ini selesai.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (Hari Kelima).

#### DAN

#### USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1981

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,477,158,169 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1981, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 36 tahun 1980, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (Hari Kelima).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari semalam sebelum mesyuarat ditangguhkan Yang Berhormat dari Arau sedang berucap dan sekarang ini saya jemput Ahli yang Berhormat itu untuk menyambung ucapannya.

3.25 ptg.

**Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau):** Tuan Yang di-Pertua, petang semalam dalam membahaskan Ucapan Belanjawan saya telah menerangkan dua perkara yang menjadi masalah selepas daripada subsidi padi dilancarkan iaitu:

Yang pertamanya ialah berkenaan dengan tarikh perlaksanaan; dan

Yang keduanya ialah tawaran harga padi yang menyebabkan petani-petani tidak dapat menuntut subsidi yang diberikan oleh Kerajaan itu.

Untuk menerangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani masalah yang ketiganya ialah masalah masuk haram selepas masuk menjadi halal.

Tuan Yang di-Pertua, dahulunya penyeludupan beras menjadi-jadi tetapi dengan terlancarnya subsidi harga padi ini kemungkinan penyeludupan beras itu berkurangan dan akan berlaku penyeludupan padi secara besar-besaran terutama sekali di Sempadan Perlis dan Thailand. Padi akan masuk ke negeri Perlis dengan cara haram diseludup oleh penyeludup-penyeludup dan manakala masuk ke Perlis mereka akan menjualkan padi-padi itu kepada pembeli-pembeli padi dengan pengilang-pengilang padi, dengan mendapat subsidi daripada pihak Kerajaan. Manakala padi itu telah dibeli oleh pengilang-pengilang dan mengeluarkan beras maka seolah-olah beras itu telah menjadi beras daripada padi yang diperolehi oleh petani-petani di dalam negeri. Apa yang membimbangkan saya dalam masalah ini sekiranya masalah penyeludupan padi ini menjadi-jadi ialah kedudukan negeri Perlis itu sendiri kerana perangkaan yang akan timbul menyebabkan gambaran berkenaan perolehan padi bagi negeri Perlis itu tidak menggambarkan hakikat yang sebenarnya kerana padi-padi yang telah masuk ke negeri Perlis secara haram itu dianggap sebagai padi pengeluaran petani-petani daripada negeri Perlis. Kalau lah perkara ini berlaku maka mungkinlah dapat gambaran bahawa petani-petani di negeri Perlis itu adalah terdiri daripada petani-petani yang mewah yang mendapat perolehan yang banyak. Inilah yang membimbangkan petani-petani di negeri Perlis kerana kebanyakan petani-petani di negeri Perlis ialah terdiri daripada mereka yang miskin yang berpendapatan begitu rendah sekali.

Masalah keempat yang timbul daripada pelancaran subsidi ini ialah nasib pengilang-pengilang kecil. Pengilang-pengilang kecil ini dahulunya berharap kepada upahan daripada petani-petani untuk mengisar padi menjadikan beras, tetapi sekarang oleh sebab subsidi yang telah diberikan kepada petani-petani itu petani-petani lebih suka menjualkan padi mereka daripada mengisar beras kerana mendapatkan beras itu lebih murah

daripada mendapatkan padi. Inilah masalah-masalah yang timbul daripada subsidi yang telah dilancarkan. Walau macam manapun, saya percaya masalah-masalah ini akan diambil berat oleh Kerajaan bagi mengatasinya supaya nikmat yang diharapkan oleh petani-petani itu dapat dikecap oleh petani-petani itu sendiri.

Selain daripada masalah subsidi banyak lagi masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani yang patut diatasi. Tahun yang lalu Bena Perang telah melanda kawasan di dalam perairan MADA, tetapi hari ini bukan lagi Bena Perang, gergasi merah dan gergasi hijau melanda kawasan perairan MADA. Apa yang saya maksudkan dengan gergasi itu ialah alat-alat pembajak ataupun alat-alat menuai padi yang moden yang besar-besar. Kalau dahulunya satu kawasan yang dapat dituai di dalam masa 5 hari tetapi sekarang ini dapat dituai dalam masa 5 jam. Kejadian yang macam ini menjadikan masalah kepada petani-petani dan kebanyakan daripada alat-alat jentera yang besar-besar itu kepunyaan orang-orang tengah yang mengambil upah serelung \$60 ataupun \$70. Manakala padi itu dituai dengan banyak berlonggok-longgoklah padi di padang. Keadaan jalan tidak sempurna untuk membawa lori bagi mengangkat padi-padi. Hujan turun menyebabkan padi itu rosak dan petani-petani menerima kerugian. Yang untung ialah orang-orang tengah yang mempunyai jentera-jentera yang besar itu.

Oleh yang demikian, saya menyarankan kepada pihak yang berkenaan supaya perkara yang sedemikian ini dapat diatasi dengan secepat mungkin, terutama sekali jalan-jalan ladang di dalam kawasan MADA supaya selaras dengan perkembangan alat-alat jentera pembajak yang begitu banyak; dapat pula lori-lori masuk ke ladang-ladang untuk mengeluarkan padi-padi yang begitu banyak dan tidaklah padi itu tertinggal di ladang-ladang manakala datang hujan padi itu rosak dan merugikan petani-petani.

Di dalam masalah ini saya rasa memang boleh dilakukan sepertimana yang telah dilakukan kepada jalan-jalan di dalam kawasan FELDA, JKR telah mengambil alih untuk menyempurnakan jalan-jalan itu. Begitulah juga saya harap jalan-jalan ladang di dalam kawasan MADA patut diambilalih oleh pihak JKR bagi menyudahkan jalan itu. Kalau mengharap kepada MADA sebagai

satu agensi Kerajaan maka sudah tentu lambat akan dapat mengatasi masalah yang saya katakan tadi.

Selain daripada itu, kekurangan buruh terutama sekali di dalam masa menanam padi. Dahulunya kalau sekiranya sawah itu dipotong oleh manusia, ini memakan masa yang panjang dan membolehkan petani-petani itu melakukan usaha sedikit demi sedikit tetapi sekarang ini ladang itu dituai dengan sekali gus, maka air pun datang terpaksa petani-petani ini mengerjakan dengan cepat juga untuk menanam padi. Penanam-penanam padi berkurangan dan menyebabkan satu kegendalaan di dalam masalah ini. Berebut-rebutlah petani-petani untuk mendapatkan buruh-buruh bagi mengerjakan ataupun menanam padi mereka.

Oleh yang demikian, saya sarankan kepada pihak yang berkenaan supaya memudahkan datangnya buruh-buruh dari Thailand yang mana sekarang ini cara mereka datang cukup susah, terpaksa mereka itu berulang-alik dari ladang ke Pejabat Imigresen untuk mendapatkan kebenaran seminggu dan kemudian manakala habis kebenaran itu berulang pula untuk menambah dan menukar daripada satu orang petani kepada satu orang petani lain yang mengupah mereka. Kalaulah dua perkara ini dapat diatasi saya percaya kekurangan buruh-buruh itu dapat diatasi di dalam kawasan MADA.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh petani-petani walaupun telah dilakukan oleh Kerajaan untuk mengatasinya, saya rasa usaha Kerajaan itu bukanlah boleh dapat menghapuskan sama sekali masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani itu. Usaha Kerajaan semata-mata dapat melegakan sahaja. Saya bersetuju dengan pendapat Menteri Kewangan yang mengatakan subsidi itu adalah merupakan ubat pelega kepada petani-petani, bukanlah ubat untuk membenarkan penyakit masalah yang dihadapi oleh petani-petani.

Pada pendapat saya masalah yang boleh mengatasi penyakit petani-petani dan menjadi ubat yang mujarab kepada petani-petani ialah melibatkan petani-petani itu sendiri di dalam perusahaan padi dan beras. Bukan semata-mata petani-petani itu menjadi penanam-penanam padi sahaja tetapi mestilah melibatkan petani-petani itu sebagai pengusaha padi dan beras. Sebab apa saya katakan begitu, kalau dipandang kepada keadaan hari ini petani-petani semata-mata

menjadi petani tetapi ada beberapa golongan lagi yang mendapat keuntungan daripada usaha petani-petani ini. Golongan ini mendapat keuntungan lebih banyak lagi daripada petani-petani padahal masa yang mereka kerjakan singkat daripada masa yang dilakukan oleh petani. Petani daripada menanam padi atau menyemai padi hingga kepada mengeluarkan padi berkehendakkan tidak kurang daripada 4 bulan tetapi pengusaha-pengusaha yang saya katakan terdiri daripada beberapa golongan itu mendapat keuntungan yang banyak mengusahakan di dalam masa yang singkat. Golongan-golongan itu di antara petani yang mengeluarkan padi hingga kepada pengguna beras ada banyak golongan yang mengusahakan. Selepas daripada petani datang pembeli ataupun pelesen telah mendapat untung di situ, daripada pelesen kepada pengilang, daripada pengilang kepada pengangkut yang mempunyai pengangkutan, daripada pengangkut kepada pemborong, daripada pemborong kepada peruncit dan daripada peruncit barulah kepada pengguna-pengguna beras. Kalaulah 5 golongan yang saya katakan tadi dapat diambil alih oleh petani-petani maka sudah tentu faedah yang sebenarnya patut didapati oleh petani-petani itu dapat dikecap oleh petani.

Oleh yang demikian, saya menyarankan kepada Kementerian Pertanian supaya petani-petani ini dilibatkan di dalam perusahaan padi dan beras melalui Persatuan-persatuan Peladang, biarlah Persatuan-persatuan Peladang ini menjadi sebagai pembeli padi, pengilang padi, pengedar beras. Kalau sekiranya ini berlaku maka sudah tentulah nikmat yang sepatutnya dikecap oleh petani-petani dapat dikecap dan penyakit yang dihadapi oleh petani itu mendapat ubat yang mujarab untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah saya bercakap berkenaan dengan petani, satu golongan masyarakat yang miskin yang sama nasib dengan petani dan penghidupannya pun sama juga iaitu golongan nelayan-nelayan. Banyak persamaan hidup di antara petani dan nelayan. Kalau sekiranya petani mengusahakan padi itu di dalam masa yang panjang baru mendapatkan hasil yang sedikit begitu juga nelayan-nelayan di laut; menggadaikan nyawa di tengah-tengah lautan tetapi faedah yang didapati oleh nelayan-nelayan adalah sedikit.

Kemiskinan petani-petani juga dihadapi oleh nelayan-nelayan. Banyak persamaan hidup di antara petani dan nelayan dan

banyak juga masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani dihadapi oleh nelayan-nelayan. Petani-petani telah mendapat perhatian daripada Kerajaan dengan memberikan berbagai-bagai subsidi tetapi nelayan mendapat subsidi semata-mata subsidi yang boleh memberikan alat-alat untuk nelayan keluar mengerjakan usaha mereka.

Masalah-masalah yang mereka hadapi masih belum lagi dapat diatasi, masalah di antara pukat tunda dengan nelayan-nelayan kecil belum lagi diatasi. Masalah pemasaran ikan-ikan juga belum lagi diatasi. Peranan orang-orang tengah masih bermaharajalela di laut; bukan setakat itu sahaja orang-orang tengah ini menggunakan pukat-pukat tunda haram daripada nelayan-nelayan yang miskin itu digunakan sebagai buruh, manakala mereka pergi ke laut pukat-pukat tunda haram inilah yang melakukan pencerobohan terhadap nelayan-nelayan kecil di pantai-pantai. Masalah ini sungguh susah hendak diatasi tetapi bagi kawasan saya di Perlis sepanjang pantai dari Sanglang ke Kuala Perlis saya dapati ada cara-caranya yang boleh diatasi. Semasa Allahyarham Datuk Ali Haji Ahmad menjadi Menteri Pertanian beliau telah meluluskan lesen pukat tunda kepada lebih Kurang 200 buah bot. Pukat tunda haram yang ada hari ini lebih daripada itu iaitu lebih daripada 300 buah bot di dalam kawasan Perlis. Pukat-pukat tunda yang mempunyai lesen ini jarang sekali melakukan pencerobohan terhadap nelayan-nelayan kecil tetapi yang banyak melakukan pencerobohan ialah pukat tunda haram.

Saya rasa Menteri Pertanian sekarang ini kalaulah semasa beliau menjadi Menteri Perusahaan Awam dapat mengatasi masalah berkenaan dengan teksi sapu, saya percaya Menteri yang berkenaan itu dapat mengatasi masalah pukat tunda haram dengan cara memberikan lesen kepada mereka yang mempunyai pukat tunda cara perseorangan, bukan taukeh-taukehnya tetapi orang per-sendirian yang mempunyai pukat tunda diberikan lesen kepada mereka ini saya percaya mereka ini tidak akan melakukan pencerobohan. Kalau sekiranya mereka itu melakukan pencerobohan selepas daripada mereka mendapat lesen itu rampaskan lesen itu maka tidaklah berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. Ini adalah pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, manakala saya sebut berkenaan dengan nelayan-nelayan dan petani-petani, ada dua perkara yang ingin

saya cadangkan. Yang pertamanya kepada nelayan-nelayan. Kalau sekiranya Kerajaan telah dapat memberi subsidi kepada petani-petani di atas harga padi yang dijual tidak boleh Kerajaan memberi subsidi kepada nelayan-nelayan di atas harga tangkapan ikan yang dijual? Kalau sekiranya perkara ini diberi dan ikan yang dijual itu mesti dijual kepada koperasi-koperasi nelayan ini menggalakkan mereka dan mendapat jaminan yang nelayan itu mendapat harga yang berpatutan. Sekarang apa yang diberitahu kepada saya oleh nelayan-nelayan ialah ikan kampung di Perlis dijual di pelantar harganya 15 sen sekati. Tetapi di Pekan Kangar 80 sen, di Kuala Lumpur lebih lagi daripada itu. Memang patut mengikut harga yang ditawarkan di pelantar di tepi laut itu harga 15 sen patut sekali Kerajaan memberi subsidi kepada mereka. Oleh itu sekali lagi saya sarankan apa yang diberi kepada petani subsidi harga padi patut diberi kepada nelayan subsidi harga ikan.

Satu lagi cadangan saya kepada petani pula, Kerajaan telah mengeluarkan subsidi dan petani-petani menerima sebagai tuah, saya katakan tadi yang tidak disangka-sangka. Wang mencurah-curah saya bimbang wang ini akan mengalir menambahkan kesulitan Kerajaan menghadapi inflasi kerana orang-orang kampung ataupun petani-petani ini sudah begitu lama dahaga kepada kewangan manakala datang wang begitu senang maka begitu-lah juga senangnya dicurah. Apa sahaja datang dibelinya dan wang itu tidak dapat disimpan. Dalilnya di tahun yang lalu manakala Kerajaan telah membuat rancangan supaya subsidi \$2 itu disimpan di dalam Tabung Haji atau Amanah Saham MARA ataupun Pejabat Pos, Bank Nasional, petani-petani meminta wang itu dengan cara tunai. Manakala diberi dengan cara tunai dibelanjakan habis, tiada bakinya. Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada pihak berkenaan supaya mengadakan Kumpulan Wang Simpanan Petani-petani seperti mana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-pekerja. Kalau subsidi diberi sebanyak \$10, berikan kepada mereka \$5 dan \$5 itu disimpan dan Kerajaan tambahkan lagi \$5 untuk mereka supaya mereka dapat kumpul wang itu di dalam Kumpulan Wang Simpanan yang saya katakan. Kalau sekiranya cadangan ini dapat dilaksanakan maka petani-petani dapat dijamin penghidupannya dan dapat memberi modal kepada mereka untuk masa tua mereka tetapi sekarang kalau sekiranya tidak dilakukan

demikian, habis terima wang hari ini, hari ini habis manakala mereka sudah tua tiada simpanan untuk menjaga dirinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula kepada pelajaran. Peruntukan yang diberikan kepada pelajaran seperti mana tahun yang lalu mendapat nombor satu. Memang patut tetapi satu perkara yang saya cuba untuk membentangkan di sini ialah masalah berkenaan dengan akhlak murid-murid. Walaupun perkara ini telah banyak dipersoalkan oleh orang-orang perseorangan dan di dalam surat-surat khabar berkenaan dengan disiplin murid-murid, perkara itu bukan berkurangan tetapi bertambah. Yang anih sekali di dalam perhatian saya, disiplin murid-murid di dalam sekolah-sekolah berasrama penuh mengapa begitu berlakunya, murid-murid yang dimasukkan di dalam asrama penuh ini di dalam masa yang singkat, di antara tiga hingga lima tahun boleh berlaku sebagai seorang murid yang ganas, memukul kawan-kawannya dengan begitu dahsyat padahal murid-murid itu di dalam masa sekolah rendahnya adalah terdiri daripada murid-murid yang baik, terdiri daripada murid-murid yang maju di dalam pelajaran. Kebanyakan mereka ini yang dipilih masuk di dalam asrama penuh adalah menjadi Ketua-ketua Murid di dalam sekolah-sekolah rendah. Menjadi pengawas dalam sekolah rendah, tetapi di dalam masa tiga tahun, Tingkatan Tiga dan lima tahun Tingkatan Lima telah menjadi sebagai seorang murid yang ganas. Apakah sebabnya berlakunya demikian?

Saya membawa contoh, satu kejadian berlaku di Perlis di Sekolah Menengah Sains Syed Putra. Segolongan murid-murid di dalam Tingkatan Tiga memukul seorang murid Tingkatan Lima. Kemudian sekumpulan pula murid-murid Tingkatan Lima mengambil tindakan balas memukul murid-murid Tingkatan Tiga. Manakala murid-murid yang di Tingkatan Tiga ini kena pukul balik ke rumah lebam, sana lebam di sini, ibubapa bertanya mengapa? Mereka jawab jatuh tangga atau main bola. Mereka tidak ceritakan apa yang berlaku. Ini satu perkara yang anih. Tetapi manakala salah seorang daripada ibubapa murid-murid itu mendapat tahu, tindakan ibubapa itu pula secara melulu sedikit tindakannya membawa perkara itu bukan kepada pihak yang berkenaan tetapi mendedahkan perkara itu ke dalam surat-khabar. Maka perkara yang sedikit itu telah menjadi

berpanjangan dan penyakit yang boleh diubati di dalam sekolah telah menjadi penyakit yang besar yang tidak boleh diubati di dalam sekolah. Padahal perkecuaian di antara murid-murid sama murid semasa saya belajar dahulu pun ada, tetapi dapat diatasi dengan mudah dan senang. Manakala perkara itu berlanjutan, Kementerian Pelajaran telah mengambil tindakan menghukum murid-murid itu, sepuluh daripadanya dipindahkan sekolah dan yang baki yang terlibat itu diserahkan kepada guru untuk ambil tindakan sekolah. Tindakan yang sering-ringannya ialah pukul tiga rotan, yang boleh diambil oleh pihak sekolah, oleh Guru Besar. Tetapi yang saya hairan murid-murid yang kena buang sekolah ini menerima hukuman itu seolah-olah satu nikmat, buat kenduri kerana mereka dipindahkan daripada sekolah, padahal hukuman yang dijatuhkan sepatutnya memberi kesan kepada kesalahan-kesalahan murid-murid itu tetapi sebaliknya murid-murid menerima dengan baik. Murid-murid yang dihukum tiga rotan lebih suka menerima jika sekiranya dia dibuang sekolah. Berpandu kepada kejadian ini saya rasa di lain tempat sakit lain tempat diubat. Kalau sekiranya kena di tempat sakit itu betul ubatnya itu mujarab. Tetapi ubat yang diterima oleh murid-murid seolah-olah mereka bukan menerima ubat; menerima gula-gula. Saya rasa penyakit yang berlaku di sekolah terutama sekali di sekolah berasrama penuh ini kepincangan di dalam pentadbiran itu sendiri. Di dalam sekolah sains kemudahan fizikal sangat tidak mencukupi. Air tidak ada, murid-murid itu terpaksa melanggar disiplin, melompat pagar kerana hendak mandi. Ini mengajar murid-murid itu melakukan perkara-perkara yang tidak baik. Pengawasan di sekolah juga tidak cukup, guru-guru yang mengawasnya ialah terdiri dari guru-guru muda yang tidak mempunyai pengalaman di dalam mendidik anak-anak.

Saya membuat satu lawatan ringkas ke sekolah sains. Apa yang diterangkan kepada saya, fail berkenaan dengan pengawas ataupun guru bimbingan yang membimbing di asrama itu dipenuhi dengan surat-surat perletakan jawatan. Maknanya ini merupakan satu kepincangan. Oleh yang demikian, saya menyarankan dalam perkara ini kelemahan-kelemahan ataupun kekurangan-kekurangan fizikal di sekolah itu patut diatasi segera dan kelemahan-kelemahan berhubung dengan kemampuan guru-guru dan pengawas-pengawas

di asrama itu patut diatasi dengan segera. Ambillah contoh apa yang dilakukan oleh Maktab Rendah Sains MARA. Keadaan murid-murid di dalam Maktab Rendah Sains MARA adalah sangat-sangat memuaskan. Guru-guru yang ditugaskan untuk mengawal murid-murid adalah terdiri daripada guru-guru yang berpengalaman. Kalau perkara yang sedemikian ini dapat diatasi, saya percaya disiplin murid-murid akan dapat disempurnakan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh masalah berkenaan dengan keselamatan. Saya sangat-sangat tertarik hati atas rancangan Kerajaan melatih RELA dengan latihan yang begitu baik. Cuma apa yang saya hendak menarik perhatian berkenaan dengan RELA ini, di dalam perhatian saya mereka yang masuk di dalam angkatan RELA ini kebanyakannya terdiri daripada pemimpin-pemimpin di kampung-kampung. Mereka itu bukan sahaja boleh menjadi sebagai orang yang bertanggungjawab seperti mata dan telinga kepada Kerajaan, tetapi boleh menjadikan mereka itu sebagai penggerak untuk mengubah sikap di kampung-kampung. Bagi sampai kepada tujuan itu selain daripada latihan tentera dan polis yang diberikan kepada RELA ini patut juga memberi peluang kepada RELA ini supaya melakukan lawatan ke negara jiran dan negeri sahabat seperti Indonesia misalnya bagi membolehkan mereka melihat bagaimana pasukan mereka melakukan kebajikan di kampung-kampung.

Menyentuh pula berkenaan dengan agama dan perkara yang akhir bagi saya untuk membincangkan hari ini dengan niat yang baik dan dengan penuh baik sangka, saya memberi pujian kepada wakil Permatang Pauh kelmarin yang menegur secara jujur penggunaan perkataan-perkataan seperti "songsang", "pelampau" dan sebagainya. Mengikut pendapat beliau tidak patut dilakukan. Tetapi bagi saya penggunaan perkataan-perkataan itu oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan adalah satu perkara yang patut dan sesuai serta lebih beradap lagi. Kerana menggunakan perkataan-perkataan itu semata-mata menunjukkan penyelewengan daripada perkara yang sebenar. Dakwah songsang, maknanya dakwah yang menyeleweng daripada hakikat yang sebenar. Pelampau agama maknanya menggambaran perbuatan mereka itu yang melebihi dan begitu seterusnya.

Pada pendapat saya perkataan pelampau, perkataan penyeleweng, songsang adalah lebih ringan daripada perkataan murtad, kafir, nikah tidak sah, sembahyang tidak sah di belakang imam dan lain-lain lagi, yang ini lebih berat daripada perkataan songsang dan sebagainya. Tuduhan atau menggunakan perkataan murtad, kafir, tidak sah nikah, haram makan itu membawa erti menuduh seorang itu telah keluar daripada agama Islam, tetapi perkataan songsang dan sebagainya itu tidak lagi merupakan keluar daripada agama Islam. Jadi dengan sebab itu, pada pendapat saya perkataan yang digunakan oleh Kerajaan, oleh Menteri-menteri daripada pihak Kerajaan dan juga yang lain daripada Kerajaan seperti suratkhbar menggunakan perkataan songsang itu lebih ringan dan lebih mudah dan lebih sesuai daripada perkataan yang saya katakan tadi. Oleh yang demikian, pada pendapat saya wakil dari Permatang Pauh itu daripada menegur mereka yang menggunakan perkataan songsang dan sebagainya itu lebih baik menegur pemimpin-pemimpin kecil PAS di kampung-kampung yang menggunakan perkataan murtad, kafir dan sebagainya. Kalau tidak dilakukan sedemikian, maka berertilah sepertimana kata pepatah: tuma di seberang lautan nampak tetapi gajah hitam di depan mata tidak nampak. Ataupun kalaulah sekiranya hendak menegur dengan baik, saya cadangkan supaya dia menegur pemimpin-pemimpin Kerajaan dan yang bersimpati dengan Kerajaan menggunakan satu perkataan yang salah kerana kita biasa mendengar mereka mengatakan ataupun menggunakan perkataan kafir-mengkafir.

Pemimpin-pemimpin Kerajaan adakah biasa menggunakan kafir-mengkafir, dalam suratkhbar pun adakah tersiar perkataan kafir-mengkafir, lebih baik menasihatkan mereka—pemimpin-pemimpin yang menggunakan perkataan kafir-mengkafir ataupun suratkhbar yang menulis perkataan "kafir-mengkafir" jangan menggunakan perkataan kafir mengkafir tetapi gunakanlah perkataan mengkafir sahaja ataupun "kafir" sahaja, kerana perkataan kafir-mengkafir bererti lawan-berlawanan. Orang ini kafir orang ini, orang ini kafir balik, itu dikatakan kafir-mengkafir—lawan-berlawanan. Padahal setakat yang saya tahu pemimpin-pemimpin Kerajaan tidak pernah mengkafir sesiapa cuma daripada satu pihak sahaja yang mengkafirkan orang. Kalau begitu katakanlah perkataan kafir jangan kata kafir-mengkafir

yakni lawan-berlawan di antara satu sama lain, kita tidak pernah berlawan untuk mengkafirkan sesiapa.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh lagi berkenaan dengan ugama, banyak telah dipersoalkan ataupun diperkatakan berkenaan dengan peristiwa berlaku di Batu Pahat. Tetapi bagi saya peristiwa itu adalah satu peristiwa yang berlaku semenjak daripada Rasulullah s.a.w. dan semenjak daripada Abul Aswadil Anzi melakukan perkara itu di Yaman sampai kepada pencurian Hajar Al-Aswad dibawa lari daripada Mekah ke Bahrin 22 tahun. Sampai kepada kejadian yang berlaku pada tahun lalu di Masjidil Haram iaitu rompak bersenjata sampai kepada peristiwa yang berlaku di Batu Pahat adalah peristiwa yang berulang. Pada saya peristiwa ini merupakan sebagai satu perbuatan jenayah yang boleh dihukum mengikut hukuman Islam. Kerana orang yang melakukan yang sedemikian dalam Quran ada mempunyai hukumannya empat: setinggi-tingginya bunuh dan sekurang-kurangnya buang kawasan. Bunuh yang besarnya, yang akhirnya buang kawasan. Kedua-dua perkara ini ada tercatat di dalam undang-undang kita yang kita boleh lakukan. Kalau sekiranya bersabit seperti mana berlaku di Batu Pahat itu mereka cuba membunuh dan di dalam penyiasaan yang telah berlaku telah sah mengatakan mereka membunuh orang maka bunuhlah mereka itu, menjalankan hukuman Islam dan termaktub di dalam undang-undang kita boleh melakukan sedemikian. Kalau tidak bersabit ataupun mereka melakukan perkara-perkara yang boleh membawa berpecah-belah di dalam masyarakat yang ringan daripada patut diberikan hukuman bunuh ialah buang kawasan. Mereka yang melakukan perbuatan kafir-mengkafir boleh membawa perpecahan di dalam masyarakat, ambil tindakan mengikut undang-undang negara yang ada sekarang ini dan sesuai dengan undang-undang Islam, buang kawasan, hantar ke Perlis (*Ketawa*). Perkara sedemikian ini pernah berlaku sepertimana beberapa tahun dahulu manakala seorang dibuang kawasan daripada Kelantan ke Perak, akhirnya orang itu telah sedar dan baik balik. Saya tidak hendak sebut siapa nama orang itu. Sekarang ini baik. Saya kenal dan dia adalah kawan baik saya. Setelah dibuang kawasan baharu dia sedar tetapi kalau sekiranya dibiarkan di tempatnya, mereka akan melakukan lagi perkara-perkara yang boleh membawa

pecah-belah di dalam masyarakat itu. Kalau Kerajaan melakukan sedemikian sepertimana yang saya cadangkan tadi adalah juga Kerajaan telah melakukan hukuman mengikut undang-undang Islam sendiri.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjangkah lagi ucapan itu?

**Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed:** Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk memberikan peluang kepada kawan-kawan yang lain, saya sudahi ucapan saya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

4.20 ptg.

**Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi (Sabak Bernam):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

Sebagai penyokong Kerajaan, saya turut berasa bangga di atas kemampuan Kerajaan mengemukakan Belanjawan yang begitu besar. Dalam tahun 1979 Belanjawan Kerajaan ialah \$13,570 juta, dalam tahun 1980 Belanjawan Kerajaan ialah \$20,724 juta dan dalam tahun 1981 Belanjawan Kerajaan ialah \$23,077 juta. Nampaknya dari setahun ke setahun belanjawan Kerajaan telah meningkat dengan begitu pesat sekali. Perbelanjaan Mengurus telah meningkat dari \$10,860 juta dalam tahun 1980 kepada \$14,600 juta bagi tahun 1981. Adalah diharapkan dengan besarnya Belanja itu maka rakyat akan terus dapat faedah dan perkhidmatan yang lebih sempurna dan lebih cemerlang lagi. Belanja Pembangunan telah diperuntukkan \$8,477 juta dan jika ditambah dengan peruntukan bagi projek yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keempat menjadi meningkat 19.5% lebih daripada Perbelanjaan Pembangunan tahun 1980 yang lalu. Adalah diharapkan supaya Kerajaan akan dapat menentukan dengan cermat dan adil supaya pembangunan tahun 1981 itu dapat segera dirasai oleh mereka yang tinggal di luar-luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan besar bagi Belanja Mengurus tahun 1981 ialah untuk pelajaran, iaitu sebanyak \$2,805 juta. Adalah diharapkan supaya dengan Belanja Pengurusan yang begitu besar akan dapat

mengurangkan rungutan-rungutan hendaknya yang mengatakan murid-murid bumiputra lemah dalam pelajaran Sains dan Kira-kira dan mudah-mudahan akan berkuranglah rungutan hendaknya yang mengatakan murid lulus sekolah rendah masih tidak boleh membaca dan menulis, begitu juga yang lulus Sijil Pelajaran Malaysia masih tidak boleh menulis surat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan Kerajaan dapat mengadakan kempen gemar kepada membaca, ini memandangkan peratus rakyat yang suka membaca dalam negeri ini adalah masih rendah dan begitu juga kegemaran membaca kepada murid-murid adalah kurang. Berbagai-bagai cara boleh dibuat untuk kempen ini yang boleh dapat dilakukan, di samping itu Kerajaan hendaklah meluaskan lagi khidmat perpustakaan hingga ke ceruk-ceruk kampung dengan menyediakan bahan-bahan bacaan yang seimbang dengan kemampuan membaca bagi rakyat di kampung-kampung itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendaklah juga menggalakkan penulis-penulis dan pengarang-pengarang menterjemahkan buku-buku dari bahasa-bahasa asing, bukan sahaja buku ilmu pengetahuan akan tetapi juga buku-buku cerita, novel, drama dan lain-lain oleh pengarang-pengarang yang masyhur di dunia, bukan sahaja daripada bahasa Inggeris tetapi juga dari lain-lain bahasa. Ini adalah dirasakan penting bagi menambah banyaknya bilangan buku-buku yang telah sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu Kerajaan patutlah lebih mengambil berat dengan pengedaran bahan-bahan bacaan dan buku-buku yang boleh menimbulkan gejala-gejala yang tidak baik. Semua bahan-bahan bacaan dan buku-buku yang beredar hendaklah diteliti dari segala jurusan, dari segi keagamaan umpamanya diteliti adakah ianya boleh mengelirukan fikiran rakyat dari kepercayaan yang betul pada fahaman yang karut dan jika buku-buku pengetahuan adakah ianya berfaedah kepada negeri ini dan adakah kandungannya menghinakan negara ini dan memuji-muji negara lain dan jika bahan bacaan kesusasteraan adakah ia sesuai dibaca bagi rakyat kita yang mempunyai latar belakang dan kebudayaan serta nilai moral yang tersendiri. Ini sebenarnya adalah hal yang sangat rumit kerana jika Kerajaan bertindak tegas dengan mengharamkan sesuatu buku atau apa-apa bahan bacaan maka akan

ada orang yang menuduh Kerajaan kuku besi dan tidak demokratik ataupun lain-lain tuduhan, tambahan pula tiap-tiap orang mempunyai tafsiran sendiri mengenai isi kandungan buku-buku atau apa jua pun perkara. Tetapi semua orang sedia maklum kesan membaca adalah sangat mempengaruhi jiwa dan pemikiran seseorang. Bagi saya demi untuk kesejahteraan jiwa dan fikiran rakyat Kerajaan harus bertindak dengan lebih berkesan lagi dari keadaan yang ada sekarang. Jika perlu ditubuhkan badan khas yang cukup dengan pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bidang keselamatan pula Kementerian Pertahanan mencria peruntukan yang banyak untuk Pengurusan dan Pembangunan berjumlah \$3,688 juta, satu jumlah peruntukan yang tinggi. Ini memang sudah sepatutnya kerana keselamatan, pertahanan dan keamanan adalah perlu bagi sesebuah negara, bukan sahaja sekadar untuk menjamin kestabilan ekonomi dan kemajuan sosial tetapi bahkan lebih penting ialah untuk menjaga keutuhan dan kemerdekaan negara. Tetapi perkara perlu yang patut diingat ialah penyertaan rakyat memikul tanggungjawab menjaga keselamatan bersama-sama dengan Angkatan Tentera. Tanpa kerjasama rakyat, keselamatan sukar dipertahankan. Tentera yang kuat dengan senjata-senjata yang moden sahaja tidak boleh memberi jaminan. Kekalahan Amerika dan Perancis di Vietnam adalah satu contoh yang nyata.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu satu daripada cara penyertaan rakyat membantu Angkatan Tentera ialah Regimen Askar Wataniah. Regimen Askar Wataniah ini patut disusun semula dan diperbesarkan, umpamanya tiap-tiap daerah (district) mesti ada satu batalion, umpamanya daerah Sabah Bernam satu batalion, daerah Hilir Perak satu batalion, daerah Bentong satu batalion, daerah Batu Pahat satu batalion dan seterusnya tiap-tiap daerah ada mempunyai batalion Regimen Askar Wataniahnya sendiri. Batalion tersebut dapat mengawal keselamatan daerahnya jika diperlukan tanpa bergantung sepenuhnya kepada Angkatan Tentera yang kadangkala mempunyai tugas yang terlalu berat, tambahan pula mereka lebih mengetahui keadaan di sekeliling kawasan mereka. Banyak belia-belia suka berkhidmat dalam tentera wataniah. Kerajaan tidak memerlukan

belanja yang besar, mereka tinggal di rumahnya masing-masing. Dengan adanya latihan tentera, belia-belia berkenaan akan lebih mendapat didikan disiplin. Selain daripada itu cuma kalau boleh saya merayu supaya elaun latihan mereka dapat dinaikkan dari yang mereka terima sekarang supaya lebih mengembirakan dan rajin datang berlatih.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya mengesyorkan supaya diadakan Muzium Angkatan Tentera dengan tujuan mengumpul bahan-bahan sejarah Angkatan Tentera supaya dapat memberi peluang kepada rakyat khasnya belia-belia mengenali lebih dekat sejarah Angkatan Tentera kita dan berbangga di atas tiap-tiap perjuangan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya juga mewakili pesawah-pesawah padi maka saya sampaikan perasaan bangga dan terima kasih pesawah-pesawah padi daerah Sabak Bernam kepada Kerajaan yang telah menaikkan subsidi harga padi dari \$2 kepada \$10 sepikul. Pesawah-pesawah padi di Sabak Bernam memang telah sedia menanam dua kali setahun. Dengan adanya tambahan subsidi yang tersebut dan subsidi baja yang memang sedia diterima serta dengan kemudahan-kemudahan yang akan diterima dan diberi oleh Rancangan Barat Laut Selangor, pesawah-pesawah padi di Sabak Bernam akan lebih dapat bergiat lagi bagi menambah hasil padinya dan mereka akan menerima pendapatan yang agak lumayan.

Sebagai Wakil Rakyat, saya merasa lega bila subsidi harga padi ini telah dinaikkan tetapi masih merasa sangat sugul oleh kerana harga kelapa dan harga koko telah jatuh ke paras yang sangat rendah. Rakyat Sabak Bernam dan juga mungkin kawasan-kawasan lain yang senasib sedang menunggu-nunggu tindakan atau bantuan Kerajaan bagi menaikkan harga kelapa dan koko yang tersebut.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sangat bangga dengan adanya berita-berita bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah dipilih oleh Sekretariat Negara Islam untuk menjadi salah seorang anggota pendamai peperangan Iraq/Iran. Ini menunjukkan bahawa pandangan dunia khasnya dunia Islam sangat tinggi kepada pemimpin Malaysia yang berkecuali dalam sebarang pertikaian. Saya berdoa mudah-mudahan tugas yang amat berat itu akan berjaya. Tetapi walaupun begitu pada pendapat saya terpaksa ditimbangan dahulu,

biarlah sampai nampak tanda-tanda yang kedua-dua mereka itu suka berdamai, kerana nampaknya pada masa ini kedua-duanya masih suka untuk berperang. Sebenarnya kita suka kedua belah pihak berhenti perang dan berunding kerana kedua-dua negara itu adalah sahabat Malaysia bahkan lebih dari itu. Oleh itu, kita patut bersama-sama berdoa mudah-mudahan kedua-dua negara di Telok Parsi itu akan berdamai semula.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.35 *ptg.*

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Speaker, memang Belanjawan tahun 1981 yang berjumlah \$23.77 juta ini yang disegerakan Belanjawan yang berjiva smallman ini memanglah sangat-sangat impressive kalau kita kaji dari segi permukaannya. Tetapi kalau kita meninjau lebih menyeluruh dan mendalam, kita dapati bahawa Belanjawan yang dipanggil Belanjawan yang berjiva smallman ini memang tidak kena pada tempatnya.

Saya tidak menafikan satu fakta atau kenyataan bahawa Kerajaan sudah berusaha untuk memberikan, umpamanya, bantuan kepada golongan yang berpendapatan rendah dan DAP tentu menyokong umpamanya kenaikan subsidi harga padi dan kenaikan kadar caruman KWSP (EPF) dan bunga-bunga yang dikenakan.

Tuan Speaker, ini bukanlah bererti bahawa Kerajaan telah mencapai satu peringkat bahawa Belanjawan ini adalah ditujukan kepada pengusaha-pengusaha kecil seperti mana yang disifatkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa pengusaha-pengusaha kecil ini adalah merupakan satu golongan yang terbesar dan merupakan tulang belakang bagi ekonomi negara kita. Kalau Belanjawan ini perlu dijadikan sebagai Belanjawan yang berjiva smallman ini, saya dapati bahawa beberapa aspek yang benar-benar bersifat dan bercorak smallman ini sudah tertinggal dalam strategi Belanjawan 1981. Saya akan memberikan enam contoh sebagai cadangan saya untuk panduan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memperbaiki strategi Belanjawan pada tahun yang akan datang.

Pertama, umpamanya, mengenai subsidi harga padi yang dinaikkan dari \$2 sepikul kepada \$10 sepikul. Memang baik. Ini memang akan melibatkan Kerajaan akan

membayar umpamanya \$328 juta pada keseluruhan tahun depan, ini memang baik, tetapi satu masalah yang perlu kita kaji, bolehkah hanya dengan menaikkan subsidi harga padi ini maka faedah terus akan disampaikan kepada rakyat yang berpendapatan rendah iaitu kaum petani. Apakah pokok permasalahan yang dihadapi oleh kaum petani hari ini? Adakah kerana mereka kekurangan subsidi atau kekurangan bantuan? Tidak. Mereka memang mendapat, menerima dan menikmati subsidi-subsidi ini tetapi pokok permasalahan ini bukanlah berpunca daripada subsidi. Pokok masalahnya ialah berpunca dari segi tanah sendiri iaitu seperti yang kita dengar dari ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat, pokok masalahnya ialah bagaimana Kerajaan boleh mencontohi umpamanya negara Taiwan, negara Korea Selatan sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri dari sana kita boleh mempelajari suatu perkara bahawa tanah-tanah ini bolehlah diupah dengan secara radikal supaya kaum petani boleh bertani di atas tanahnya sendiri

Nampaknya hari ini menurut pengkajian kebanyakan tanah yang ditanikan oleh kaum tani bukanlah di atas tanahnya sendiri, hanya bertani di atas "absentee landlord" sahaja, maka segala subsidi, bantuan, faedah sebahagian besarnya boleh dikatakan dua pertiga sudah disalurkan kepada tangan-tangan tuan-tuan punya tanah—bukan kaum petani sendiri. Itulah sebabnya saya memandangkan iaitu perkara yang pertama ialah satu rancangan tanah yang radikal perlu diadakan supaya membolehkan kaum petani benar-benar bertani di atas tanah sendiri.

Aspek yang kedua yang tertera dalam Belanjawan iaitu nampaknya Kerajaan tidak memberikan banyak perhatian atas perusahaan-perusahaan domestic dan perusahaan-perusahaan kecil yang ada di negara kita yang terdiri daripada bilangan rakyat yang besar.

Memang dari segi Undang-undang Kerajaan Tempatan biasanya rakyat tidak dibenarkan untuk menjalankan perusahaan-perusahaan kecil di tempat kediaman mereka tetapi bolehkah undang-undang ini diubah supaya membolehkan mereka menjalankan perusahaan-perusahaan kecil yang tidak membawakan apa-apa pencemaran alam sekitar supaya mereka boleh menggalakkan bukan sahaja untuk menambahkan sumber

pendapatan, mereka juga boleh menolong secara langsungnya mempertingkatkan produktiviti-produktiviti di negara kita. Ini juga satu aspek yang mustahak yang secara langsung adalah mempengaruhi beban kewangan peniaga-peniaga kecil atau pengusaha-pengusaha kecil ialah cukai jualan dan cukai pembangunan. Saya merasa hairan apakah sebabnya kedua-dua cukai yang terus membawa satu kesan yang buruk dan berat terhadap golongan yang berpendapatan rendah itu tidak boleh dimansuhkan dan digantikan kepada satu sistem cukai yang tidak akan membebankan tanggungan kewangan golongan berpendapatan rendah. Kerajaan kita perlu sedar apakah cukai yang dikenakan kepada pengusaha-pengusaha tentu ianya akan dipindahkan kepada pengguna-pengguna Malaysia hari ini. Maka satu cara saya fikir yang paling berkesan untuk mengurangkan beban cukai ialah kedua-dua cukai itu—cukai jualan dan cukai pembangunan perlulah dibatalkan.

Satu aspek lagi ialah memang saya akui Kerajaan khasnya Menteri Kewangan berusaha menaikkan kadar caruman KWSP dan faedahnya tetapi bolehkah kita menjamin dengan kenaikan itu merasa puashati, kalau dibandingkan dengan negara jiran bahawa kenaikan kadar caruman KWSP itu masih jauh ke belakang dan tidak membawa satu matlamat yang bermakna apabila kaum pekerja sudah bersara mereka dapat menggunakan wang simpanan sendiri untuk kehidupan persaraan mereka itu. Oleh itu saya mencadangkan bahawa kadar caruman bagi pihak majikan itu perlu dinaikkan dari 7% kepada 15% dan bagi kaum pekerja pula caruman itu perlu dinaikkan dari 6% kepada 10%. Memang pelaksanaan sebelum kaum pekerja swasta dinaikkan gajinya maka bagi pihak caruman kaum pekerja itu perlu ditangguhkan sebaik sahaja kenaikan gaji dijalankan, barulah kadar caruman dinaikkan 10%. Saya cadangkan ini dikuatkuasakan, kerana kedua-dua caruman kalau boleh dikuatkuasakan pada tahun hadapan ertinya tiap-tiap pekerja sekurang-kurangnya boleh menjimatkan wang 25% dari jumlah pendapatan mereka. Saya yakin dengan jumlah dan percentage ini mereka akan dapat menikmati hasil yang sebenar daripada KWSP dan juga dasar KWSP itu perlu diubah supaya bukan hanya sebagaimana yang saya katakan sebagai badan untuk meminjam wang kepada Kerajaan. Saya fikir dasar KWSP

dari segi pelaburannya perlu diperluaskan kepada perusahaan perumahan dan perindustrian di mana pekerja sebagai tuan punya wang simpanan itu boleh menyertai segala sekim atau projek perumahan atau perindustrian.

Perkara yang kelima juga saya fikir mustahak ada ketinggalan atau dilalaikan dalam Belanjawan ini ialah mengenai satu sekim insentif untuk mempertingkatkan produktiviti atau daya pengeluaran kaum pekerja itu tidak disebut dalam Belanjawan pada tahun 1981. Kalau negara kita hendak mempertingkatkan daya pengeluaran atau produktiviti kaum pekerja, saya fikir satu cara atau langkah yang paling berkesan ialah mewujudkan satu sekim di mana bonus atau segala ganjaran pembayaran daripada pihak majikan untuk pekerja-pekerja yang sudah mengeluarkan lebih daripada matlamat yang ditetapkan jumlah bonus atau bayaran ganjaran itu bolehlah dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan. Saya yakin dengan cara itu bukan kaum pekerja sahaja bahkan majikan, kedua-dua pihak akan dapat menikmati dan berusaha bersama-sama untuk mempertingkatkan produktiviti di negara kita. Saya merayu supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan bolehlah mempertimbangkan bagaimana mengadakan satu sekim insentif untuk mempertingkatkan produktiviti melalui pengecualian cukai pendapatan atas bonus atau incentive bonus dan lain-lain.

Satu perkara yang banyak kali disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini mengenai perumahan, memang dasar perumahan negara kita, saya boleh katakan telah gagal sama sekali. Semalam Menteri Perumahan cuba memprojeikan satu gambaran bahawa Kerajaan sangat licinnya melaksanakan dasar perumahan negara tetapi dari segi bilangan unit-unit rumah yang dibina kita dapati sangat-sangat jauh daripada memuaskan. Itu sebabnya kita fikir yang lebih berkesan dan menyakinkan rakyat Malaysia ialah Kerajaan perlu bekerja bersungguh-sungguh untuk memperbanyakkan rumah kos rendah dan juga segala red tape yang didapati dalam procedure, permohonan baik subdivision atau conversion (tukar syarat) atau permohonan dengan pelan-pelan yang berkenaan. Semua ini perlu disimplifikasikan supaya pemohon-pemohon atau pemaju-pemaju swasta tidaklah diganggu dengan red tape yang ada pada hari ini dan juga segala penyelewengan yang didapati baik bayaran

under the counter dan lain-lainnya dari segi perjanjian jual beli, semua ini perlu dibetulkan bukan hanya serah kepada BSN sahaja atau pihak polis untuk menangkap atau hadapkan kepada mahkamah. Saya bukan mengatakan itu tidak baik tetapi pokok masalahnya ialah berada pada Kementerian Perumahan sendiri maka sistem dan dasar perumahan negara itu perlu dibetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah enam aspek yang saya sebut ini adalah berjiwa small-man yang sebenarnya sudah ketinggalan dalam strategi Belanjawan 1981. Dari segi pembangunan negara kita saya fikir sudah sampai masanya bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan bersama-sama untuk mengkaji dan mempertimbangkan bilakah memorandum yang dihantar oleh ACCIM (Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia) yang dikemukakan kepada Kerajaan pada penghujung tahun 1979 di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Perdagangan berkata ianya sedang di dalam pertimbangan tetapi nampaknya dia sudah mengambil masa yang panjang untuk memproses dan melaksanakan satu memorandum dari masyarakat ekonomi kaum China yang boleh membawa Malaysia memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi dan juga boleh menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Saya di sini adalah mendesak Kerajaan Malaysia boleh menerima dan dengan segera melaksanakan memorandum yang dikemukakan oleh ACCIM yang bertujuan mahu menolong Kerajaan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara kita dan juga menyatupadukan masyarakat yang berbilang bangsa yang ada di Malaysia pada hari ini.

Saya tidak nampak apakah sebabnya memorandum itu perlu ditangguhkan selama satu tahun. Saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan atau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh memberikan satu jawapan yang tegas tentang kedudukan memorandum yang dihantar pada tahun yang lepas.

Tuan Speaker, dalam Belanjawan ini saya sungguh merasa keciwa, saya tidak tahu apa sebab bila satu peruntukan yang diperuntukkan untuk pembangunan pelabuhan di seluruh Malaysia, Pulau Pinang, Kuantan, Bintulu, Johor Bahru, Trengganu, Port Klang dan lain-lainnya hanya negeri Melaka tidak

dapat satu sen. Sebanyak \$140 juta diperuntukkan untuk membangun membina pelabuhan-pelabuhan di seluruh Malaysia tetapi pelabuhan negeri Melaka, Pelabuhan Tanjung Keling langsung tidak dapat satu sen pun.

Di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, apakah sebabnya negeri Melaka diperkecil-kecilkan, diabaikan-abaikan sehingga satu sen pun tidak diperuntukkan untuk negeri Melaka. Adakah negeri Melaka satu negeri yang sangat kecil, merupakan anak besi bukan anak emas seperti negeri Kelantan, Trengganu dan Kedah. Saya tidak menentang negeri Kelantan, Trengganu dan Kedah tidak usah dapat peruntukan, memang mereka perlu mendapat peruntukan tetapi tidak perlu melakukan satu diskriminasi dalam peruntukan perbelanjaan kepada satu-satu negeri. Adakah kerana Melaka tidak ada seorang Menteri Kabinet yang berkuasa, yang berpengaruh maka pedulilah hidup mati negeri Melaka.

Di sini saya bagi pihak negeri Melaka perlulah menyampaikan protes sekeras-kerasnya terhadap Menteri Pengangkutan bahawa dengan sengajanya Melaka diabaikan. Sungguhpun rakyat negeri Melaka, Kerajaan Negeri Melaka telah melebihi tiga tahun memperjuangkan nasib Pelabuhan Negeri Melaka, Tanjung Keling tetapi hingga hari ini satu sen pun tidak ada peruntukan.

Pada dua minggu yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bahawa sebuah kilang penapis minyak akan diadakan di Tanjung Keling. Bagaimana minyak boleh diangkut, kalau tidak ada satu pelabuhan yang moden, yang lengkap capacitynya. Sekarang hanya boleh menampung sebuah kapal, kalau sebuah kapal boleh punggah-memunggah lima hari, yang lain perlu menunggu di tepi laut selama lima hari juga. Siapakah yang hendak datang ke negeri Melaka? Saya merasa hairan kepada negeri Melaka, ia perlu dibangunkan bukan sahaja peruntukan perlu diberikan untuk membangunkan semula, mempermodenkan Pelabuhan Negeri Melaka juga perkhidmatan MAS dari Singapura dan Melaka perlu dipulihkan. Apa sebab sejak tahun 1977 hingga hari ini selama dekat tiga tahun perkhidmatan MAS tidak boleh dipulihkan kerana katanya rugi dari segi ekonomi. Kalaulah rugi dari segi ekonomi, apa sebab ianya boleh diadakan di negeri-negeri yang lain, juga rugi. Adakah kerana Melaka satu negeri

yang tidak perlu dibangunkan kerana tidak ada Menteri-menteri Kabinet yang kuat dari segi politik mereka? Di sini saya merasa kesal dan juga saya berharap Kerajaan Pusat boleh memberikan segala priority untuk membangunkan negeri Melaka supaya ianya tidak perlu dijadikan sebagai sebuah negeri yang paling miskin dan ke belakang sekali dalam Malaysia.

Satu perkara yang berlaku di negeri Melaka yang saya pernah sebutkan di sini ialah mengenai kes Seri Lingga dan Kabirma. Saya tidak tahu apa sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil masa lebih empat tahun masih tidak boleh mengeluarkan hasil siasatannya terhadap kes-kes dan skandal-skandal yang saya laporkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan bekas Menteri Undang-undang. Saya harap satu jawapan yang jelas boleh diberikan ketika Belanjawan ini digulung.

Tuan Speaker, sekarang saya akan sampai-kan satu perkara yang mustahak perlu kita sama-sama meninjau dan mengkaji iaitu apakah tanggungjawab seseorang Wakil Rakyat baik sebagai Ahli Parlimen atau sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri atau sebagai seorang rakyat Malaysia. Kalau seorang Wakil Rakyat atau seseorang rakyat Malaysia yang biasa dia telah mendapati ada berlakunya penyelewengan atau mal-practices dalam pentadbiran Kerajaan yang mungkin merugikan kepentingan ekonomi negara dan rakyat kita yang mungkin menjejaskan politik atau imej Kerajaan, maka bolehkah seseorang Wakil Rakyat atau rakyat Malaysia mendiadakan diri untuk menyenangkan pada beberapa orang sahaja. Hari ini saya dapati Wakil Rakyat sudah mengalami satu dilemma bukan sahaja privilege, hak seseorang Wakil Rakyat dicabar dan ditekan, tetapi juga kita tidak tahu di manakah Wakil Rakyat boleh melaksanakan kuasa dan tanggungjawab masing-masing.

Umpamanya, satu kes yang berlaku pada Ketua Pembangkang pada dua tahun yang lepas di bawah Official Secrets Act, orang yang cuba mempertahankan keselamatan negara kita, cuba memperlindungi kepentingan negara kita baik dari segi keselamatan atau dari segi kewangan, orang yang membongkarkan segala penyelewengan itu dituduh dibawa ke mahkamah, ditekan selama dua tahun. Tetapi orang-orang yang terlibat dalam skandal ini dibebaskan dengan

sebebas-bebasnya, tidak seorang ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah. Apakah sistem pemerintahan hari ini yang seorang Wakil Rakyat yang bertanggungjawab yang berpatriot, yang taat setia, yang menjalankan tugas dan tanggungjawabnya untuk membongkar dan memberitahu Kerajaan tentang apa yang sudah berlaku dia dihadapkan ke mahkamah, orang yang terlibat dalam rasuah, penyalahgunaan kuasa—bebas, selamat, tidak dihadapkan ke mahkamah.

Di sini saya memang merasa sedih, saya pun tidak tahu bagaimana bagi kita sebagai Wakil Rakyat hendak menjaga kepentingan negara dan rakyat kita, bagaimana hendak melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan oleh rakyat yang memilih kita. Apabila kita cuba berdiri pada hakikat, pada fakta dengan kepentingan nasional tetapi kita tidak diberikan apa-apa layanan atau perlindungan oleh Kerajaan.

Satu kes yang lebih jelas baru-baru ini juga berlaku pada Ketua Pembangkang yang ada berkaitan dengan skandal minyak. Adakah seorang Wakil Rakyat sama ada Ketua Pembangkang atau Wakil Rakyat biasa, adakah salah kalau dia cuba memberitahu negara dan rakyat tentang apa yang berlaku dengan satu perkara yang sangat serius, mengancam yang merugikan kepentingan ekonomi negara dan rakyat kita. Bolehkah kita mendiamkan diri atau menutup perkara itu, bila kita dihadapi oleh rakyat jelata, inilah masalah kita, bolehkah Wakil Rakyat atau Ketua Pembangkang membangkitkan perkara ini supaya perhatian negara dan rakyat boleh ditarik. Tetapi saya berasa kesal bila seseorang rakyat yang taat setia, seorang Wakil Rakyat yang bertanggungjawab perlu dan cuba menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sekali lagi kami dihadapkan ke mahkamah, DAP bukan takut pergi ke mahkamah atau masuk jel—tidak. Kalau kita takut, kita tidak akan berdiri di sini. Kita tentu tidak akan tertakluk atau tunduk kepada apa-apa tekanan, baik, masuk lock-up, makan nasi . . . .

**Tuan Hussein bin Mahmood:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan kalau Yang Berhormat memberi jalan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Ya.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka sama ada beliau ingin atau hendak mencadangkan supaya Ahli-ahli Dewan Rakyat ataupun Wakil Rakyat dari Dewan-dewan yang lain akan dikecualikan daripada undang-undang negara ini setelah undang-undang ini dibuat oleh Dewan yang mulia ini sendiri.

**Tuan Chan Teck Chan:** Yang Berhormat dari Tanah Merah, saya memang merasa dukacita kerana ini satu perkara yang sedang mengancam dan menggugat kewibawaan, kedaulatan dan privilege Wakil Rakyat. Memang saya kata Wakil Rakyat adalah seorang rakyat yang biasa, tidak akan dikecualikan daripada Undang-undang.

Apa yang saya cuba hendak mempersoalkan ialah bila seseorang Wakil Rakyat seperti Ketua Pembangkang, Ahli dari Petaling telah membangkitkan beberapa perkara yang ada berkaitan dengan kepentingan negara yang melibatkan rasuah, malpractices, penyalahgunaan kuasa; kalau sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab yang mahu meyakinkan rakyat bahawa negara ini adalah sebuah negara yang anti-korupsi, yang mahu membersihkan segala-gala maksiat maka apa yang perlu dibuat oleh Kerajaan ialah kalau ada satu laporan atau aduan, jangan menyebelahi mana-mana satu pihak, Kerajaan perlu mengumumkan bahawa Kerajaan akan bertindak untuk menyasat. Jika orang yang membuat tuduhan itu tidak menunjukkan buktinya ia akan dihukum tetapi orang yang dituduh itu dibuktikan bersalah ianya akan dihukum. Ini baru boleh menegaskan keadilan, boleh memulihkan kepercayaan, keyakinan rakyat terhadap sebuah Kerajaan di bawah pimpinan sekarang iaitu Barisan Nasional. Kalau tidak, umpamanya kes-kes yang berlaku baik di bawah Official Secrets Act sampai sekarang skandal minyak, bagaimana kita hendak menyakinkan kepada rakyat, orang yang cuba mempertahankan kepentingan nasional ia dituduh, ia dihukum, ia ditekan. Apa sebab Kerajaan tidak boleh berkata, kita bertindak untuk menyasat dahulu. Kalaulah Ketua Pembangkang membuat satu tuduhan yang palsu, yang tidak berasas, barulah dihukum dari segi undang-undang, kita ada undang-undang di Malaysia.

Itulah tujuan saya cuba menarik perhatian rakyat dan negara kita dilemma yang dihadapi oleh rakyat Malaysia, dilemma yang dihadapi oleh Wakil Rakyat di Dewan yang mulia ini bukan sahaja dilemma dari segi undang-undang (Rule of Law), juga dilemma dari political morality. Sejauh manakah seseorang Wakil Rakyat boleh menjalankan tugasnya, itulah yang perlu dikaji dan ditimbang oleh Kerajaan dan rakyat kita. Kalau tidak ianya akan menewaskan segala usaha yang jujur daripada rakyat Malaysia yang mahu membela masa hadapan kita, yang mahu mempertahankan kepentingan nasional kita.

Saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh menjelaskan bagaimana kita boleh mengatasi dilemma ini. Saya tidak berkata Wakil Rakyat boleh dikecualikan daripada disoal, dihukum dari segi undang-undang—tidak. Apa yang saya cuba memberitahu Dewan yang mulia ini ialah bolehkah seseorang rakyat yang taat setia, yang berkrar dan bertanggungjawab bila berusaha mahu membela kepentingan negara ianya dihukum?

Satu kes lagi, Yang Berhormat Chiang Heng Kai dan Chan Kok Kit. . . .

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat dari Kota Melaka memberi jalan?

**Tuan Chan Teck Chan:** Ya.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya wakil dari Kota Melaka ini hendak mencabar mahkamah dan cuba hendak menyentuh keputusan yang dibuat oleh mahkamah. Jadi saya minta penjelasan kalau sekiranya penyalahgunaan kuasa ataupun sebarang rasuah yang dituduh oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu, mengapa dia tidak timbulkan nama dan bawa ke mahkamah dan buktikan mereka yang rasuah itu? Bukan hanya menuduh secara palsu dan membuat tuduhan yang melulu, kerana kalau tuduhan itu melulu maka adalah tidak wajar ditimbulkan sebagai satu tuduhan tetapi adalah merupakan satu pandangan sahaja.

**Tuan Chan Teck Chan:** Saya yakin Yang Berhormat dari Pasir Puteh tidak membaca suratkhbar apa yang berlaku kepada PETRONAS yang menjaga kepentingan minyak bermillion-million ringgit hari ini. Adakah kita mahu menutup kes ini—tidak. Kita cuba menarik perhatian, umpamanya Ketua Pembangkang menjalankan kuasanya untuk menemui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan dokumen, memberitahu rakyat apa yang telah berlaku . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, kalau perkara berkenaan minyak, Syarikat Esso ini disebut; yang mendakwa ke mahkamah bukan Kerajaan tetapi pihak Esso sendiri. Jika tidak kenalah hujah itu tadi.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Speaker, apa yang saya sebutkan tadi bila Ketua Pembangkang memberitahu perkara ini baik PETRONAS atau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri perlu mengeluarkan satu kenyataan sebagai orang yang tidak terlibat dengan mengatakan perkara ini akan disiasat. Tetapi dari kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan, kita dapati bahawa seolah-olah Kerajaan adalah peguambela bagi Esso, bukan bagi rakyat mereka sendiri di mana . . . .

**Tuan Hussein bin Mahmood:** (Bangun).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada apa lagi?

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (2), saya ingin mendapat ruling daripada Tuan Yang di-Pertua, sama ada perkara Esso dan orang yang berkenaan yang disebutkan itu kalau tidak silap saya telahpun dibawa ke mahkamah. Adakah perkara ini boleh disifatkan sebagai *sub judice* dan kalau ya, maka ianya tidak boleh dipersoalkan di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab Yang Berhormat dari Tanah Merah hendakkan ruing, saya terpaksa memberi ruing. Mengenai dengan perkara yang di bawah timbangan mahkamah, ini ada di dalam Peraturan Mesyuarat 36 (2) dan saya bacakan:

“36. (2) Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sekira-kira pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu.”

Supaya lebih jelas lagi, di dalam bahasa Inggeris berbunyi:

“36. (2) Reference shall not be made to any matter which is *sub judice* in such a way as might in the opinion of the Chair prejudice the interests of parties thereto.”

Jadi perkara yang ada di dalam Peraturan Mesyuarat ini ialah terbahagi kepada dua; iaitu satu berkenaan dengan *sub judice* dan satu lagi ialah perkara yang dikatakan “pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu”. Jadi sama ada *sub judice* atau tidak, apa yang dikatakan *sub judice* itu: Mengikut kamus *Dictionary of English Law*; saya ada membawa beberapa rujukan sebelum diadakan sidang ini dahulu, sebelum perbincangan dimulakan dan saya telah benarkan Ahli Yang Berhormat dari Petaling bercakap dalam perkara ini. Saya telah merujuk kepada *Dictionary of English Law* oleh Jowitts dan dia menyatakan iaitu yang dikatakan *sub judice* ialah di dalam perbicaraan atau “in the course of trial”. Jadi apa pula yang dikatakan perbicaraan (trial) itu? Di dalam kamus juga mengatakan perbicaraan (trial) itu bermula dari masa sesuatu tuntutan (writ) itu difail atau dikemukakan di mahkamah dan dalam soal Syarikat Esso melawan Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Ahli dari Petaling itu, saya telah dimaklumkan dengan rasminya bahawa Syarikat Esso telahpun mengemukakan tuntutan gantirugi terhadap Ahli Yang Berhormat dari Petaling di mahkamah Kuala Lumpur pada 9hb Oktober, 1980. Oleh yang demikian, adalah nyata dan jelas bahawa perkara yang dibangkitkan yang meminta ruling dari saya itu ialah satu perkara yang *sub judice*, itu tidak syak lagi (beyond any doubt) memang *sub judice*.

Walau bagaimanapun, bahagian yang kedua ada menyatakan “sekira-kira pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu” atau dalam bahasa Inggerisnya bahagian kedua daripada Peraturan Mesyuarat (Standing Order) ini ialah “in such a way as might in the opinion of the Chair prejudice the interests of parties thereto”.

Di sini saya menggunakan pertimbangan saya. Dan apakah yang dimaksudkan “Prejudice the interest of parties thereto”? Saya telah membuat rujukan kepada beberapa buah

penerbitan yang ada kaitan dan hubungannya dengan masalah atau perkara yang di hadapan kita yang dipertanyakan tadi, iaitu saya rujuk kepada “The Law Reports 1974” iaitu rayuan pembicaraan Peguam Negara Britain melawan The Times News Papers dalam tahun 1974, the Weekly Law Reports 1969 Volume I (rayuan pembicaraan Thomson melawan Times News Papers Ltd) dan satu yang lain, the Weekly Law Reports 1974 (rayuan pembicaraan Moir melawan Walfersteiner dan lain-lain) dan juga Erskine May iaitu Edisi atau Cetakan Kesembilanbelas.

Masalah yang menjadi pertikaian di bawah timbangan Mahkamah sekarang ini adalah tuduhan di atas amalan curang (malpractice) oleh Syarikat Esso mengenai Pengeluaran Petroliaam yang melibatkan, mengikut kenyataan yang pertama, \$1.2 ribu juta yang baru-baru ini di dalam ucapan Yang Berhormat dari Petaling mengatakan \$800 juta iaitu satu jumlah yang besar dengan apa jua ukuran (a sizeable sum by any standard).

Petroliaam, kepada saya, merupakan satu bahan yang penting dan telah meningkat menjadi hasil utama negara kita. Kerajaan tidak dapat menjalankan penyiasatan yang wajar kerana tidak mempunyai bukti. Masalah ini pada pendapat saya mempunyai unsur yang perlu disegerakan atau elements of urgency ada di dalam soal ini. Oleh yang demikian, perkara ini mempunyai kepentingan negara dan juga ekonomi nasional. Kepentingan negara mengatasi segala kepentingan yang lain-lain, kepentingan seseorang atau sesuatu kaum atau sesuatu puak. Saya berpendapat Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka atau Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang telah saya benarkan dalam perkara ini supaya penyiasatan dapat dijalankan oleh Kerajaan dengan serta-merta berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan dan keterangan yang dikeluarkan di dalam Dewan yang mulia ini. Sesuatu perbincangan di dalam Parlimen tidak mesti ditegah atau dilarang dengan cara automatik hanya oleh sebab pihak yang lagi satu sudah mengemukakan writ, sudah mengemukakan tuntutan di Mahkamah. Saya berpendapat tidak patut dihalang Ahli-ahli Yang Berhormat mengeluarkan pendapatnya, sesuatu perkara demi kepentingan negara dan kepentingan ekonomi. Bagi seorang rakyat biasa jika ada tuduhan amalan curang seumpama ini bolehlah rakyat itu mengadu kepada polis atau kepada pihak BSN (Biro Siasatan Negara) tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat ini adalah Ahli Parlimen dan Dewan

yang mulia ini dianggotai oleh Ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat di dalam pilihanraya yang sah, Pilihanraya Umum. Maka pada pendapat saya di sinilah forum yang sebaik-baiknya dan forum yang selayaknya untuk membincangkan dan memberi kenyataan dan keterangan di dalam sesuatu perkara yang penting seperti ini.

Erskine May pula memperuntukkan dalam pada membenarkan itu satu garisan panduan yang penting bahawa jika Pengerusi atau di sini Yang di-Pertua membenarkan Ahli Yang Berhormat itu berucap di dalam perkara yang ada di dalam pertimbangan mahkamah yang boleh merosakkan kepentingan pihak Esso di satu pihak atau pihak yang satu lagi iaitu dalam masalah ini ialah Ahli Yang Berhormat dari Petaling, maka saya terpaksa menahan Ahli Yang Berhormat yang berucap itu dan jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mengemukakan perkara-perkara yang tidak ada tetapi diada-adakan atau mengeluarkan kenyataan-kenyataan keterangan yang tidak dapat dipertanggungjawabkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, maka boleh dibawa kepada pertimbangan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan (Committee of Privileges) Parlimen ini.

Perkara ini bagaimanapun seperti saya nyatakan tadi pada permulaan saya memberi penerangan tadi bahawa perkara ini memang tidak syak lagi perkara *sub judice*. Jadi pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah memang tidak dapat dinafikan satu perkara *sub judice*.

Walau bagaimanapun, dengan keterangan dan peringatan saya tadi maka demi kepentingan negara dan demi ekonomi nasional, maka saya memutuskan dan memberi ruling iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengeluarkan dan boleh bercakap dalam soal yang di dalam pertimbangan mahkamah sekarang. Sila teruskan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap keputusan yang dibuat oleh Speaker kerana berasaskan kepentingan negara dan ekonomi negara kita. Itulah sebab saya menegaskan dari segi kepentingan nasional dan ekonomi negara kita, kita adalah terjerumus dalam satu dilemma bagaimana kita boleh menjalankan tugas kita. Bagaimana Wakil Rakyat boleh membela kepentingan rakyat dan negara kita. Saya merasa keciwa apa sebab selama lima hari perbahasan itu tidak seorang Wakil Rakyat dari Barisan Nasional

untuk mempersoalkan atau untuk memberikan perhatian atas perkara Petronas yang ada berkaitan dengan kepentingan negara dan ekonomi negara kita. Adakah perkara ini tidak mustahak atau adakah perkara ini hanya ada berkaitan dengan DAP, ada berkaitan dengan Ketua Pembangkang? Tidak. Kenapa satu isu yang ada berkaitan dengan kepentingan bersama, kepentingan nasional, maka semua Ahli yang bertanggungjawab yang taat setia perlu bangun untuk membela masa depan nasib kepentingan negara kita baik dari segi pencerobohan ekonomi atau dari segi pencerobohan ketenteraan. Kita sebagai Parti Pembangkang, DAP adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap negara dan rakyat kita walaupun pemimpin-pemimpin DAP, Wakil-wakil Rakyat DAP

.....

**Dr Tan Tiong Hong:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Sabar, sabar. Yang Berhormat dari Kepong?

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sahaja. Macam mana Ahli-ahli Parlimen dari Parti Barisan Nasional boleh mengambil bahagian di dalam soal Esso jikalau Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tidak pun dapat bukti-bukti atau detail-detail dari Parti DAP? Saya harap jikalau Parti DAP di dalam Dewan ini boleh beri detail-detail bukan sahaja tuduhan-tuduhan secara umum maka dengan itu kita sebagai Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Wakil-wakil Rakyat pun boleh mengambil tanggungjawab kita membahas dan memberi pendapat kita berkenaan dengan hal ini. Bolehkah Ahli dari Kota Melaka memberi bukti-bukti dan juga to the point, bukan round the point?

**Tuan Chan Teck Chan:** Saya lagi merasa keciwa atas sikap Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Saya tidak tahu adakah beliau jurucakap dari Barisan Nasional tetapi saya anggap beliau adalah jurucakap Barisan Nasional, bagi pihak Wakil-wakil Rakyat dari Barisan Nasional.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau dia tidak mengaku yang dia bagi pihak, tidak bolehlah dianggap dia begitu. Tiap-tiap seorang Ahli bebas bercakap.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tetapi dia ada menggunakan perkataan Barisan Nasional. Kalaulah seorang Wakil Rakyat yang bertanggungjawab maka adakah ahli-ahli dalam

Barisan Nasional berinisiatif berjumpa Ketua Pembangkang atau DAP untuk berunding dan membincangkan bagaimana boleh kita sama-sama membela nasib dan masa depan kita. Kita menerima cabaran. DAP memberikan tawaran bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kepong khususnya dan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional boleh datang ke DAP, berjumpa Ketua Pembangkang DAP, biarlah kita bersama-sama bagaimana mencari jalan keluar untuk membela kepentingan nasional kita. Bukan hanya di sini kata tuduhan yang palsu dan lain-lain, adakah itu tanggungjawab dan perasaan (sense of responsibility) untuk datang ke sini. Adakah kita datang ke sini untuk memuji-muji, mendewa-dewakan rekod Barisan Nasional. Tidak. Bila negara kita menghadapi satu masalah, satu dilemma, satu ancaman, saya sudah kata baik dari segi pencerobohan ekonomi atau ketenteraan, maka semua rakyat Malaysia, semua Wakil Rakyat . . . .

**Dr Tan Tiong Hong:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa lagi ini? Di bawah Peraturan 37 (b) juga. Penjelasan?

**Dr Tan Tiong Hong:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, tadi saya minta penjelasan berkenaan dengan bukti-bukti, tetapi sampai sekarang Ahli dari Kota Melaka belum beri satu inci atau quarter inci bukti-bukti berkenaan hal Esso.

**Tuan Chan Teck Chan:** Pintu DAP terbuka 24 hours—24 jam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini terbuka menerima ahlikah atau terbuka apa? (*Ketawa*)

**Tuan Chan Teck Chan:** Pintu DAP.

**Dr Tan Tiong Hong:** Kita hendak bukti-bukti.

**Tuan Chan Teck Chan:** Demi kepentingan nasional, tidak baik kita hanya di sini untuk memberikan bukti-bukti sehingga dia hendak membela Esso apakah rahsia yang ada pada DAP.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak boleh membuat tuduhan. Itu salah juga. Membuat tuduhan yang tidak baik kepada seorang ahli yang lain itu salah daripada Peraturan Mesyuarat. Jadi tidak boleh buat tuduhan begitu.

**Tuan Chan Teck Chan:** Saya tidak akan membuang masa, tetapi saya kata DAP telah membuat satu tawaran yang jujur dan ikhlas menjemput Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Ahli-ahli Barisan Nasional amnya, datanglah bersama-sama berbincang dengan DAP bagaimana kita boleh membela kepentingan negara kita dan masa depan ekonomi negara kita.

Tuan Speaker, saya suka memberikan satu contoh di mana Wakil Rakyat cuba menyampaikan aspirasi dan masalah rakyat kepada Dewan yang mulia ini atau kepada negara, maka mereka digunakan, mereka ditekan dari dua segi. Satu segi tekanan dari segi undang-undang yang dihadapi oleh Ketua Pembangkang baru-baru ini. Satu segi ialah menggunakan ISA untuk menahan Wakil-wakil Rakyat DAP, umpamanya, Yang Berhormat Chian Heng Kai dan Chan Kok Kit apakah dosa mereka, apakah kesalahan mereka sudah buat? Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkata tidak ada tahanan politik dalam Malaysia, satu rekod yang cemerlang yang terbaik di dunia. Tetapi bolehkah Kerajaan menafikan ke semua yang ditangkap itu telah terlibat dalam kenyataan politik, bukankah Yang Berhormat Chian Heng Kai dan Chan Kok Kit ditahan kerana membangkitkan isu-isu pelajaran nasional? Adakah seseorang rakyat menjalankan tugasnya membangkitkan masalah ini ditahan kerana ancaman keselamatan negara? Adakah kita ada satu tahanan keselamatan negara atau tahanan keselamatan Barisan Nasional? Itu yang merupakan satu perkara yang perlu dikaji dan dipertimbangkan oleh kita semua sebagai Wakil Rakyat. Saya rasa dukacita apa sebab, kita sebagai Wakil Rakyat di dalam Dewan yang mulia ini jangan kira apa parti kita memihak, biar kita bersama-sama mempertahankan kewibawaan dan keutuhan serta keistimewaan (privilege) Dewan yang mulia ini. Biarlah kita boleh menjalankan tugas kita dengan sebebaskan-bebasnya dengan berasaskan kepentingan negara kita.

Tuan Speaker, saya tidak bersetuju dengan pendapat dan kenyataan Yang Berhormat Perdana Menteri pada 13hb ketika menjawab soalan lisan saya yang DAP dituduh sebagai parti perkauman yang lebih pekat daripada parti-parti perkauman yang lain. Adakah salah parti kita cuba menarik perhatian Kerajaan dan negara kalaulah adanya satu isu polarisasi kaum yang keras di negara kita. Kalaulah dengan cara Kerajaan selama ini boleh mengatasi masalah polarisasi kaum

ini, maka DAP dituduh sebagai penghalang perpaduan, dituduh sebagai parti perkauman yang lebih pekat daripada parti-parti di dalam Barisan Nasional apa guna DAP masih berada di dalam arena politik Malaysia? Lebih baik tutup DAP, tangkap semua pemimpin, buang ke kem tahanan di Taiping, lebih selamat Kerajaan, lebih cepat mencapai perpaduan rakyat. Adakah cara ini boleh mengatasi masalah polarisasi kaum di negara kita?

Tuan yang di-Pertua, sebab itu saya kata biarlah DAP memainkan peranannya. Biarlah DAP memberitahu Kerajaan, negara dan rakyat bahawa sebagai Wakil Rakyat kita adalah bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan negara kita. Sebagai parti yang menjunjung tinggi prinsip demokrasi, perlembagaan dan Rukunegara tentu kita perlu berasaskan kepada ketiga-tiga prinsip ini untuk memperjuangkan matlamat politik kita. Tidak guna DAP selalu dituduh sebagai parti perkauman yang pekat, sebagai parti yang menghalang perpaduan rakyat. Ini tidak akan mengatasi masalah kita. Kalaulah DAP boleh dituduh atau hendak ditutup, pemimpin ditahan, kita rela masuk jail atau dihukum oleh mahkamah kalau didapati ada bukti-bukti kita melanggar undang-undang. Apakah salahnya kita menyuarakan jeritan dan penderitaan rakyat? Inilah tanggungjawab dan tugas seseorang Wakil Rakyat. Kita bukan perompak, perampas, penyamun rakyat. Ini tanggungjawab kita. Kalau Kerajaan hendak menaruh cara-cara umpamanya ISA, tuduhan-tuduhan atau dakwa di bawah undang-undang untuk menekan DAP, DAP tidak akan tunduk kepada segala tekanan. DAP akan mengatakan di sini termasuk tekanan daripada multi-national corporation seperti ESSO, kita akan terus suarakan perkara ini, biarlah DAP ditangkap atau ditutup.

Kita rela lebih baik kalau DAP hendak diminta tutup mata, telinga, mulutnya, lebih baik kita tinggalkan arena politik Malaysia. Balik rumah bersama keluarga kita and enjoy family life, itu lebih baik. Apa sebab kita bertungkus-lumus dan bermati-matian untuk berjuang di sini untuk siapa? Untuk negara dan rakyat. Apa sebab Kerajaan tidak mengizinkan DAP menjalankan tugasnya, perlu menggunakan beberapa taktik untuk menekan dan menjahanamkan DAP baik melalui ISA atau undang-undang.

Di sini saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana pada 2hb November ini empat tahunlah Yang Berhormat Chian Heng Kai dan Chan Kok Kit ditahan. Saya harap untuk memprojekkan imej Malaysia sebagai negara yang menjunjung tinggi hak asasi manusia, demokrasi, maka saya mearayu kedua-dua Wakil Rakyat ini dibebaskan untuk menjalankan tugas mereka di kawasan masing-masing dan juga boleh menjalankan tugas mereka di Dewan yang mulia ini. Kalau mereka salah lagi, ada alasan-alasan, ada bukti-bukti yang jelas tangkap mereka. Tetapi empat tahun adalah merupakan masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya belum menyentuh peristiwa 16hb Oktober, di Batu Pahat yang dahsyat dan berdarah itu. Saya telah berkata dua kali di Dewan yang mulia ini, DAP adalah sebuah parti menentang sekeras-kerasnya dan sehabis-habisnya segala cara perjuangan yang berasaskan kekerasan dan keganasan, baik apa ideology dan isma fahaman mereka. Apa-apa pergerakan mereka baik dari segi keugamaan atau apa-apa badan yang ditubuhkan, DAP menentang berasaskan cara perjuangan melalui keganasan dan kekerasan yang berdarah itu. Tetapi bolehkah peristiwa di Batu Pahat ini diatasi hanya mengeluarkan kenyataan kata ini adalah fanatik agama, kemudian Yang Amat Berhormat Menteri Besar kata ada komunis terlibat.

Semalam ada dikatakan lagi ini bukanlah orang yang beragama Islam, mungkin sebagai Jepun dengan pedang samurai digunakan serta pakaiannya dan juga berbagai-bagai alasan dan kenyataan diberikan. Yang mustahak sekarang ialah bagi Kerajaan untuk mengeluarkan satu Kertas Putih (White Paper) tentang peristiwa 16hb Oktober ini supaya rakyat dan Dewan ini boleh diberitahu apakah sebenarnya berlaku dan apakah motifnya atau latarbelakangnya. Di samping itu Kerajaan perlu memberikan perhatian yang serius terhadap pergerakan dakwah: adakah "songsang" atau apakah namanya tetapi keharmonian, keselamatan, kestabilan negara kita perlu dijaga.

Dari peristiwa ini kita boleh mempelajari satu pengajaran yang sangat pahit, yang sangat "costly" iaitu kalau perkara api yang kecil ini tidak dipadamkan ianya akan merebak dan membakar keseluruhan negara kita, baik dalam negara kita atau baik dari

diengaruhi luar daripada negara kita. Sebab itu saya mendesak Kerajaan mengeluarkan satu Kertas Putih (White Paper) tentang perkara ini. Dan juga suka saya hendak tahu aya yang sudah berlaku dengan didapati ada tiga orang pelarian dari Kemboja yang terlibat dari peristiwa ini. Bagaimanakah pelarian ini boleh diizinkan untuk berniaga di kampung-kampung sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, juga diizinkan secara bebasnya keluar masuk semua kawasan. Kerana dalam Dewan inilah kita diberi jaminan bahawa tidak seorangpun pelarian akan diizinkan tinggal di Malaysia. Apa yang berlaku dari peristiwa Batu Pahat juga pelarian di Sabah, apakah yang telah berlaku? Ahli Yang Berhormat dari Sandakan telah memberitahu kita, bagaimanapun keadaannya di Sabah kerana kedatangan pelarian Filipina. Apa sebabnya ada melebihi 200,000 orang rakyat Malaysia yang tinggal di sini walaupun mereka itu bukan rakyat, mereka adalah stateless, mereka tinggal di sini melebihi 8 tahun hingga 10 tahun untuk memohon kerakyatan tidak diizinkan, ditolak. Katanya ini bukanlah hak seseorang pemohon. Ini adalah privilege. Saya kata, adakah Kerajaan akan menimbang dari segi peri kemanusiaan, jawapan yang diberikan, tidak. Tetapi apa sebab peri kemanusiaan diberikan kepada beribu-ribu orang pelarian di Sabah? Bagaimanakah mereka boleh dapat Identity Card yang berwarna biru? Bagaimanakah mereka boleh dijadikan warganegara Malaysia? Berapa orangkah sudah terlibat dalam kes ini? Perkara ini cukup perlu dan memerlukan satu Kertas Putih untuk menjelaskan apakah dasar Kerajaan tentang pelarian illegal atau pendatang yang tidak sah.

Di Johor dan di mana-mana juga pendatang-pendatang haram dari Indonesia bukan sahaja mereka dapat work permit bekerja di sini, masuk sangat bebas di Semenanjung Malaysia, mereka adalah juga merupakan sumber tidak adanya keselamatan sosial di Malaysia hari ini seperti di Petaling Jaya, di Kuala Lumpur dan di mana-mana pun. Kes-kes merompak, merampas adalah terlibat dengan pendatang-pendatang haram dari Indonesia. Bagaimanakah mereka boleh diizinkan masuk ke Malaysia tanpa procedure yang sewajarnya. Bagaimanakah mereka boleh dapat work permit, ada yang telah dapat work permit bekerja di Skim FELDA dan lain-lain. Malahan Wakil Rakyat DAP tidak diizinkan masuk ke Sabah tetapi

pelarian boleh masuk dan bebas di Sabah. Ini adalah merupakan satu laughing-stock terhadap sejarah Malaysia. Wakil Rakyat, pemimpin negara tidak boleh masuk ke Sabah tetapi pelarian Filipina keluar masuk dengan senang. Itulah dasar Kerajaan yang saya kata sedang masuk satu peringkat yang sangat mengkhawatirkan kita. Saya tidak menentang mana-mana kaum atau mana-mana rakyat pun dari mana-mana negara. Apa yang saya cuba mempersoalkan ialah dasar Kerajaan untuk membeza-bezakan di antara satu pelarian dengan pelarian yang lain berasaskan pada kaum dan keagamaan, ini adalah salah. Adakah kerana pelarian Kemboja dan pelarian Filipina beragama Islam maka mereka boleh bebas masuk ke Malaysia? Adakah kerana pelarian Vietnam bukan T.S.T. maka mereka tidak boleh masuk walau seorang pun. Ini telah menjejaskan imej Malaysia. Sebagai Wakil Rakyat yang bertanggungjawab kita adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk membetulkan dasar yang menyeleweng itu. Bagaimanakah kita boleh berasaskan pada perkauman dan keagamaan untuk mendiskriminasikan pelarian dan pendatang haram?

Tuan Yang di-Pertua, saya terus menyoal lagi mengenai pertahanan. Memang dari segi peruntukan pertahanan dan polis sebanyak \$2,424 juta telah diperuntukkan adalah menduduki 6.6% dari segi Belanja Mengurus tetapi bolehkah dengan hanya meningkatkan pertahanan dan pasukan keselamatan negara kita dengan membuang berjuta-juta ringgit maka selamatlah negara kita tanpa menghiraukan, tanpa memperhitungkan apakah yang sudah berlaku dalam negara kita hari ini, apa yang sudah berlaku dalam pembinaan negara kita selama 23 tahun merdeka; umpamanya, dari segi ekonomi, kebudayaan, pelajaran, sosial dan politik? Bolehkah rakyat kita merasa selamat kalaulah Kerajaan terus mengamalkan satu dasar yang membeza-bezakan bumiputra dengan bukan bumiputra. Inilah merupakan satu time-bomb yang akan meletup, tidak tahu bila akan meletup kalaulah Kerajaan membezakan kepentingan-kepentingan rakyat dari segi ekonomi, politik, sosial, pelajaran dan kebudayaan dengan berasaskan pada kepentingan kaum. Ini adalah sangat bahaya terhadap dasar pembinaan negara kita.

Kalaulah sampai saat hari ini Kerajaan masih tidak boleh mengubati penyakit-penyakit rakyat dalam negara kita, saya

tidak tahu apakah yang akan berlaku di Malaysia pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, saya perlu menegaskan sekali lagi DAP tidak akan memberhentikan perjuangan jangka panjang ini kecuali DAP dibubarkan, pemimpinnya ditahan; kalau tidak kita masih akan terus memperjuangkan isu-isu baik seperti Petronas, dari segi ekonomi, dari segi pelajaran dan lain-lain untuk menyelamatkan negara kita daripada terjerumus ke dalam tangan-tangan atau ketawa yang sangat bahaya ini. Kita tidak tahu bolehkah Malaysia selamat kalau Thailand jatuh ke tangan Vietnam. Tetapi rakyat Malaysia dengan perasaan yang genting ini perlulah bersiap sedia dan berwaspada bersama-sama untuk membina, mempertahankan kedaulatan dan keutuhan negara kita baik dari DAP, UMNO, MCA asalkan mereka adalah rakyat Malaysia maka kita adalah berhak untuk mengorbankan nyawa, harta-benda, segala kepentingan peribadi untuk masa depan kita. Ini adalah tanggungjawab dan peranan yang akan dimainkan oleh DAP. Kita tidak kira apakah parti mereka.

Saya harap Barisan Nasional pada saat yang penting ini boleh menyatakan pendirian mereka, baik dari segi kepentingan ekonomi atau dari segi keselamatan. Saya merasa keciwa selama 5 hari ini tidak seorang pun melafaskan persediaannya untuk mengorbankan nyawa kita untuk mempertahankan negara kita bila sampai masa yang akan datang. Rakyat Malaysia bolehkah diabaikan tidak usah beritahu mereka apa yang sudah berlaku di negara kita. Sampai saat ini adalah tanggungjawab Wakil Rakyat tanpa mengira latar belakang politik mereka perlu membangkitkan kesedaran rakyat untuk mempertahankan kedaulatan negara kita, baik dari skim nasional service atau apa-apa skim pun, jangan sampainya pencerobohan datang ke Malaysia, barulah kita mengangkat senapang—sudah terlambat. Sebab itu saya perlu memberikan pandangan yang panjang lebar tetapi fokus yang saya titikberatkan hari ini ialah dilemma yang Wakil Rakyat hadapi, dilemma yang rakyat Malaysia hadapi selama 23 tahun kemerdekaan hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.42 ptg.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa):** Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Belanjawan secara umum sekarang ini maka saya tumpukan percakapan saya hanya kepada perkara keselamatan dan saya khususkan perkara Batu Pahat sahaja.

Peristiwa Batu Pahat bagi saya serupa dengan peristiwa 13 Mei sama-sama berlaku setelah timbul beberapa kegelisahan yang sengaja dibuat oleh setengah-setengah pihak. Kegelisahan-kegelisahan yang dibuat oleh pihak-pihak ini termasuklah perkara-perkara yang disebut hari ini sebagai perkara dakwah, perkara politik dan sebagainya. Masalah diskriminasi di antara penganut satu fahaman politik dengan fahaman politik lain sangat ketara sekali di hari ini. Yang jelas dan tidak dapat dinafikan ialah masalah peruntukan \$100,000 kepada Ahli-ahli Parlimen yang duit ini memang sama-sama tahu bahawa duit ini ialah duit rakyat yang mereka bayar bersama dengan melalui cukai dan sebagainya. Duit ini waktu pengundi membayar cukai mereka tidak ditanya adakah anda daripada Pembangkang atau dari penyokong Kerajaan. Di waktu wang cukai itu hendak diagihkan balik maka berlakulah beza-membeza. Hal ini adalah menjadi satu perasaan yang menimbulkan gelisah bukan sahaja di kalangan Wakil Rakyat tetapi pengundi-pengundi yang terpaksa Wakil Rakyat memberitahu bahawa diskriminasi telah dilakukan kepada tuan-tuan semua berdasar kepada pengundi-pengundi yang tidak mengundi parti penyokong Kerajaan.

Saya masih ingat cerita bagaimana trajidi penggunaan Dewan Hamzah di Kelang sewaktu PAS hendak menggunakan dewan ini untuk menyambut ketibaan Kurun 15 Hijrah kira-kira setahun lepas. PAS telah membuat permohonan dan telah membayar sewanya sekali. PAS telah mengirim surat jemputan kepada tetamu termasuk diplomat-diplomat dari negara Islam, tetapi dengan cara yang begitu trajis dan drastik sekali permohonan itu ditarik balik dengan alasan-alasan yang tak masuk akal selain daripada perkara diskriminasi politik itu. Itu satu contoh yang dekat dengan Kuala Lumpur, jangan ditanya diskriminasi-diskriminasi dalam temuduga-temuduga sewaktu memilih pekerja-pekerja dalam satu-satu jabatan, khasnya di Kelantan.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya tidak setuju kepada rakyat memilih parti politik tertentu mengikut kebebasan masing-masing, lebih baik tidak diadakan pilihanraya langsung bahkan digunakan one party system seperti yang dilakukan di setengah-setengah negeri di Timur Tengah atau dipulangkan semula negeri ini kepada Raja-raja Melayu bagi mereka benar-benar berkuasa dan berdaulat seperti keadaan sebelum perang.

Dalam masalah dakwah, kita pernah dengar cerita bagaimana ABIM sebagai satu pertubuhan dakwah terbesar di sebelah sini dan dikenali ramai di peringkat internasional telah ditolak permohonannya untuk menggunakan Dewan di Universiti-universiti tertentu di tanahair kita untuk muktamar agongnya baru-baru ini tetapi Dewan itu juga telah diberi kepada pasukan penari untuk menyambut Hari Tentera yang baru lepas diadakan sedangkan Pasukan Tentera kita telah mengambil sikap baru dan mulia dalam menyambut hari jadi mereka dengan mengadakan bacaan yassin, tahlil, sembahyang hajat dan sebagainya, alih-alih serentak dengan itu diadakan juga tarimenari di sebuah dewan yang sebelumnya telah menolak permohonan kumpulan dakwah yang besar untuk muktamarnya tadi. Tindakan seperti ini pasti menimbulkan kegelisahan dan marah dalam hati orang-orang dakwah khususnya dan muslimin umumnya.

Dalam bulan Ramadhan lepas dalam mana negara kita sedang mengimport qari dan qariah dari segenap negara Islam untuk memuliakan Ramadhan dan untuk memuliakan Al-Quran dan dengan tujuan membawa hati rakyat kepada Al-Quran, tahu-tahu dalam Ramadhan itu juga kita telah menyediakan pasukan penari untuk menari di Peranchis, satu keadaan yang begitu bertenangan, baik dari segi dakwah mahupun dari segi kehormatan kepada Ramadhan.

Masalah KDN kepada ABIM dan PAS juga menjadi tanda tanya dan menimbulkan gelisah dan marah di kalangan peminat masing-masing kerana apa dan apa tujuan kebenaran KDN ini disekat selain daripada menyekat hak-hak yang halal dan menjadi hak asasi manusia untuk bersuara dan berdakwah secara terbuka. Ini adalah beberapa contoh umum yang kalau hal-hal seperti ini dialihkan ke Kelantan kita akan dapat terangkan dengan banyaknya.

Sebagai contoh, pembahagian baja subsidi untuk tanaman padi misalnya. Saya sebut di sini contoh bagaimana penanam-penanam padi di Kampung Pulau Belanga, Telaga Bata, Tok Mekong, Padang Kiat, Tok Jawa dalam kawasan saya sendiri, dalam daerah Sering, Kota Bharu amatlah menyedihkan. Sudahlah penanam padi itu sendiri sudah tidak popular sekarang di kalangan petani, pembahagian baja pula telah tidak dilaksanakan, tidak kerana lain selain daripada diskriminasi politik. Begitu juga perkara merampas tanah-tanah yang telah diusahakan yang mana diluluskan oleh Kerajaan dahulu dan ditarik balik sebahagian daripadanya oleh Kerajaan hari ini.

Oleh yang demikian, dari contoh yang tersebut saya menyokong penuh kalau ditubuhkan satu jawatankuasa yang di antara lain perlu mengandungi ahli-ahli dari badan-badan politik, khususnya daripada Pembangkang tempatan, kerana orang politik memang berani mengemukakan faktor-faktor yang mungkin tidak dirasakan pentingnya oleh orang lain.

Saya sangat berdukacita bila penyerang-penyerang itu dicap dengan cepatnya golongan sesat, kerana sesat dan tak sesat itu belum kita tentukan lagi ukurannya dan kaedahnya, siapa yang sesat dan siapa yang betul. Orang sesat ertinya orang yang salah jalan, orang yang tak tahu pelan, misalnya orang yang hendak ke Seremban, bila mereka menggunakan Jalan Kuantan maka ertinya mereka telah sesat kerana tak turut pelan atau tak turut cara lalulintas, begitu juga masalah ajaran sesat. Ajaran sesat ertinya ajaran yang tidak menuruti pelan hidup. Pelan hidup yang paling tepat sekali ialah untuk menyampaikan manusia kepada jalan yang betul ialah Quran dan Hadis. Sesiapa yang tidak mengikut ajaran Quran dan Hadis patut ianya sesat, kerana rancangan induk dari kejadian manusia ini ialah berkesudahan di hari akhir atau hari kiamat dan tidak ada siapa pun di dunia yang sempit ini dapat mengetahui keadaan hidup di sana selain daripada Allah azawajalla yang menjadi akitek agong seluruh alam termasuk makhluk kerdil manusia ini.

Berdasarkan ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau penyerang-penyerang itu dianggap golongan sesat maka bukan mereka sahaja yang sesat, kita sekalian yang ada dalam Dewan inipun bukan kurang juga sesatnya,

sama-sama tidak mengamal sepenuhnya dasar Quran dan Hadis bahkan kita di sini bukan sahaja tidak mengamalkan dasar Quran dan Hadis, ada pula yang mencemuhkan Quran dan Hadis itu sendiri sampai ke peringkat membuat tuduhan yang ganas bahawa Al-Quran itu bila diamalkan di Malaysia ini akan menimbulkan huru-hara pula sedangkan perkataan menimbulkan huru-hara kalau diamalkan Quran ini kalau dikira hukumnya maka Tuan Mufti Johor, dengan izin, saya buka . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak membaca fatwa inikah?

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Perutusan contoh bagaimana benda ini menimbulkan masalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pendek sahaja?

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Pendek.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, sila.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Buku Fatwa-fatwa Mufti Kerajaan Johor, muka surat 311:

“Apa hukum seorang mengatakan sekiranya dijalankan Undang-undang Quran di negeri ini akan menimbulkan huruhara dan kacau bilau?” Jawab: “Jika orang ini berkata begitu dengan sebab jahilnya dengan kandungan Al-Quran tetapi ia mukmin, percaya kepada Quran dengan ijmak, sesungguhnya ia telah jatuh derhaka dan maksiat besar kepada Allah, wajiblah bertaubat. Dan jika berkata begitu dengan iktikad bahawa Allah mendatangkan syariat kepada manusia yang tidak sesuai dengan muslihat ugama dan kehendak kehidupan mereka adalah murtad” *Wal'ianauzubillah*. Fatwa daripada seorang Mufti yang sehingga hari ini belum lagi dicabar dan belum lagi disalahkan.

Oleh yang demikian bila sahaja ada perkataan begini dan ada pula orang yang membawa fatwa ini sudah tentu menimbulkan kegelisahan yang mahu tidak mahu satu reaksi akan mesti berlaku. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita sudah sesat maka tidak usahlah cepat sangat menuduh orang lain sesat kerana kalau pencuri

sendiri memburu pencuri maka sampai bila pun masalah ini tidak selesai dan kegelisahan akan terus menerus wujud dalam hati dan akal manusia dan tindakan-tindakan ganas akan berlaku terus menerus dengan mudahnya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping ajaran sesat yang boleh menimbulkan keganasan maka ada pula satu perkara lain yang tidak kurang juga sesatnya iaitu kenyataan-kenyataan sesat. Saya kata kenyataan-kenyataan sesat ialah kerana terdapat kenyataan-kenyataan daripada setengah-setengah Menteri kita yang membuat keterangan-keterangan yang tidak masuk akal yang sendirinya menimbulkan rasa gelisah, cemoh dan mual di hati rakyat.

Katakanlah, baru-baru ini seorang Menteri telah melawat Kemaman, Trengganu dan telah mengeluarkan kenyataan terbuka bahawa komunis sedang giat bergerak di Trengganu, di Kelantan, di Kedah dan Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana rakyat boleh menerima kenyataan-kenyataan yang seperti ini bahawa komunis sedang bergerak dengan giatnya di negeri Pantai Timur termasuk Kedah dan Perlis sedangkan yang berlaku tembak menembak di antara komunis dan tentera bukannya di Trengganu, bukannya di Kelantan tetapi yang berlaku ialah di Pahang dan di Perak dan di Pahang sendiri terdapat satu kawasan curfew bertahun-tahun sudah lamanya. Jadi yang bergiatnya di Kelantan tetapi yang berlaku tembak menembak di lain. Maka bagaimana boleh diterima bahawa kenyataan ini adalah benar? Bagi saya kenyataan seperti ini adalah kenyataan sesat dan menyesat, walaupun tidak ajaran sesat.

Akhirnya, oleh kerana peristiwa Batu Pahat ini banyak mengorbankan begitu banyak jiwa sedangkan penyerang-penyerang itu hanya menggunakan parang, pedang dan sebagainya maka saya tidak faham bagaimana hal ini boleh berlaku iaitu ditembak, sedangkan tembakan-tembakan itu boleh dibuat ke udara ataupun sekurang-kurangnya boleh ditembak kepada paras pinggang ke bawah sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kimanis.

5.55 ptg.

**Tuan A. K. Aliuddin bin Pengiran Haji Mohd. Tahir (Kimanis):** Tuan Yang di-Pertua, masyarakat petani dan nelayan di negara ini adalah merupakan golongan yang menerima rahmat hasil dari Belanjawan 1981 seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini.

Tidak syak lagi bahawa dengan adanya bantuan-bantuan yang dihulurkan kepada masyarakat petani dan nelayan itu akan meningkatkan lagi taraf kehidupan mereka dari apa yang mereka nikmati sebelum ini.

Negeri Sabah adalah merupakan sebuah negeri yang kini sedang berusaha ke arah menjadikan pertanian sebagai sumber pengeluaran utama bagi menampung keperluan tempatan di samping menggalakkan rakyat berusaha membuka tanah-tanah yang terbiar bagi maksud pertanian. Ianya juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan mereka melalui hasil-hasil tani. Dengan adanya jalanraya-jalanraya yang menghubungkan pekan-pekan dan bandar-bandar di negeri itu kebanyakan daripada petani menggunakan kenderaan berupa jeep, Landrover dan Pick-up untuk membawa hasil-hasil pengeluaran mereka untuk pasaran.

Tindakan Kerajaan menaikkan kadar cukai jalan bagi kenderaan-kenderaan bermotor adalah suatu langkah yang baik tetapi kenaikan tersebut setidak-tidaknya akan melibatkan ramai petani-petani di negeri Sabah yang selama ini menggunakan kenderaan-kenderaan yang mempunyai kuasa 1500 c.c. ke atas bagi mengangkut hasil-hasil pertanian mereka. Dengan kenaikan kadar tersebut akan menimbulkan kesusahan kepada para petani dan juga pekebun-pekebun kecil yang sudahpun terpaksa membayar harga minyak yang tinggi dan sekarang dikenakan pula kadar cukai jalan yang lebih. Oleh yang demikian, sukalah saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya menimbang semula kenaikan kadar cukai jalan itu supaya hanya kereta-kereta penumpang sahaja yang dikenakan kadar tambahan manakala kereta-kereta yang terdiri dari jenis jeep, pick-up dan landrover dikecualikan kerana kenaikan itu pasti akan membebaskan masyarakat petani di negeri Sabah disebabkan kesemua jenis

kenderaan tersebut mempunyai kuasa lebih 1500 c.c. dan kebanyakannya pula digunakan bagi mengangkut hasil-hasil pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan bahan-bahan keperluan harian seperti gula, minyak tanah dan minyak diesel bukan sahaja dialami oleh negeri-negeri di Semenanjung, tetapi yang paling teruk adalah dialami oleh negeri Sabah. Kekurangan gula bukan sahaja dialami sejak beberapa bulan yang lalu malah hingga ke hari ini pun masalah kekurangan bahan tersebut berterusan terutama sekali di kawasan luar bandar. Orang ramai yang hendak membeli gula terpaksa berbaris bagi mendapatkan bekalan mereka dan di tempat-tempat lain pula pencatuan terpaksa dilakukan oleh para pekedai kepada para pembeli. Saya merasa hairan mengapakah keadaan demikian berterusan sedangkan bekalan-bekalan telahpun dihantar ke negeri itu bagi mengatasi kekurangan bahan tersebut. Mungkin terdapat para pekedai yang menyorok bahan tersebut yang menyebabkan bertambah teruknya kekurangan bahan itu. Tetapi adakah Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian yang berkenaan di Kota Kinabalu ataupun di bandar-bandar besar lain di Sabah telah mengambil tindakan.

Saya telah difahamkan bahawa ada laporan-laporan yang melaporkan berlakunya penyorokan. Tetapi belum pernah serbuan-serbuan dibuat ke atas pembekal-pembekal dan juga pekedai-pekedai yang disyaki menyorok bahan tersebut. Penyiasatan rapi hendaklah dijalankan bagi mengatasi masalah kekurangan bahan itu agar rakyat dapat mengetahui dengan sejelas-jelasnya tentang kedudukan perkara yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan minyak diesel di negeri Sabah adalah berterusan dan jika pihak PETRONAS tidak mengambil tindakan tegas bagi mengatasi masalah kekurangan bahan tersebut dari sekarang saya bimbang ianya akan banyak merugikan semua pihak termasuk agensi-agensi Kerajaan dan juga pihak swasta.

Baru-baru ini menerusi akhbar kita telah terbaca sebuah kenyataan yang menyatakan bahawa pihak PETRONAS telahpun berjanji kepada Kerajaan Negeri Sabah dan dewan-dewan perniagaan negeri itu bagi membantu mengatasi kekurangan minyak diesel. Saya difahamkan bahawa perutusan bukan sahaja

dibuat secara lisan tetapi juga melalui telegram. Tetapi yang menyedihkan sehingga sekarang tidak ada apa-apapun tindakan yang telah diambil mengenai perkara tersebut. Ini telah menimbulkan kemarahan di kalangan rakyat dan secara tidak langsung menjejaskan keyakinan mereka terhadap Kerajaan Negeri yang langsung tidak kena-mengena dengan tanggungjawab membekalkan bahan tersebut. Pihak PETRONAS, nampaknya terlalu lama untuk melaksanakan janji-janjinya. Oleh yang demikian, sukalah saya mengesa agar pihak PETRONAS melaksanakan janji-janji yang telah dibuat kepada Kerajaan dan juga dewan-dewan perniagaan di Sabah yang benar-benar mengharapkan bantuan agar kekurangan minyak diesel yang kian meruncing itu dapat diatasi.

Bercakap tentang kekurangan bahan-bahan keperluan di negeri Sabah, saya merasa kesal kerana terdapatnya golongan-golongan yang tertentu di negeri itu yang cuba menjadikan isu kekurangan bahan-bahan tersebut sebagai alat untuk menghilangkan kepercayaan rakyat terhadap parti yang memerintah di Sabah. Golongan tersebut menjalankan jarum mereka terutama sekali di kawasan luar bandar kononnya kekurangan bahan-bahan itu adalah disebabkan oleh pihak Kerajaan. Adalah sangat menyedihkan bahawa golongan yang mengaku diri mereka sebagai pejuang rakyat sanggup melimparkan tuduhan yang karut-marut terhadap parti yang memerintah. Seharusnya mereka bersama-sama menjelaskan kepada rakyat tentang apa juga masalah yang melibatkan kepentingan negara dan bukan sebaliknya. Mereka berpura-pura berjuang ke arah menegakkan keadilan tetapi pada masa yang sama cuba mengeneipkan kebenaran. Golongan tersebut adalah merupakan golongan putar-belit yang sudah tidak mendapat tempat di hati rakyat. Bagaimanapun, masalah kekurangan bahan-bahan penting itu adalah sangat perlu diketahui secara lebih dekat oleh rakyat dan di dalam mengatasi propaganda-propaganda yang tidak bertanggungjawab yang disebarkan oleh golongan tertentu itu dan adalah difikirkan supaya Jabatan Penerangan dapat memainkan peranannya di dalam perkara ini. Unit-unit luarbandar jabatan itu seharusnya sentiasa mengadakan lawatan ke kawasan luarbandar bagi menerang dan menjelaskan kepada rakyat tentang keadaan sebenarnya yang menyebabkan kekurangan bahan-bahan itu boleh berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari kaum petani yang mendapat nikmat dari Belanjawan 1981, kaum nelayan juga demikian halnya. Bagaimanapun para nelayan di negeri Sabah telah lama menikmati bantuan khusus yang dihulurkan oleh Kerajaan Negeri melalui agensinya Konelayan. Dengan bantuan-bantuan yang dihulurkan itu kaum nelayan di negeri itu sekarang dapat meningkatkan taraf pencarian dan juga pendapatan mereka. Bagaimanapun, satu perkara yang masih menjadi sungsutan dan rungutan kaum nelayan terutama sekali dalam kawasan pilihanraya saya di Kimanis yang mempunyai ramai masyarakat nelayan dari Kampung Berunai, Bengawan dan Binsuluk ialah adanya kapal-kapal pukat tunda yang merosakkan alat-alat menangkap ikan nelayan di kawasan itu. Keadaan ini telahpun dilaporkan kepada pihak yang berkenaan akan tetapi tindakan bagi menyekat kapal-kapal pukat tunda itu daripada menjadikan kawasan perairan di sepanjang pantai Kimanis tempat mereka mencari rezeki masih belum disekat. Oleh yang demikian, saya menyeru pihak yang berkenaan supaya mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah ini yang telah menyebabkan banyak kerugian dan kesengsaraan kepada kaum nelayan di kawasan tersebut.

Menyentuh tentang kemudahan-kemudahan asas, saya suka menarik perhatian pihak yang berkenaan tentang pembinaan jalanraya dan juga bekalan air supaya melaksanakan projek-projek tersebut dengan penuh rasa tanggungjawab dan dedikasi. Masalah peruntukan bukanlah punca utama yang menyebabkan berlakunya kelambatan di dalam melaksanakan sesuatu projek jalanraya, mahupun mengenai perbekalan, tetapi ialah kerana kurangnya perancangan yang teliti dalam melaksanakan projek-projek tersebut. Satu contoh yang baik ialah bagaimana projek bekalan air di kawasan pilihanraya saya yang telah tergendala untuk sekian lama. Bekalan air sepatutnya telahpun dapat dinikmati setahun yang lalu tetapi malangnya sehingga hari ini rakyat di kawasan Binsuluk dan Bengawan masih menunggu-nunggu bekalan air tersebut. Dan yang menyedihkan di kawasan Bengawan bekalan air hanya disalurkan ke pekan, manakala kawasan perkampungan belumpun menerima apa-apa khabar beritanya walaupun perkara tersebut telah berkali-kali saya mengemukakan kepada pihak yang berkenaan, namun jawapan yang diberikan hanyalah tunggu dan

tunggu. Di manakah kesilapannya sehingga berlaku keadaan yang demikian? Adakah disebabkan ketiadaan peruntukan ataupun kerana ketiadaan perancangan yang teliti? Saya percaya pihak Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan Awam dapat memberikan jawapan dalam perkara ini. Begitu juga halnya dengan pembinaan jalanraya di kampung-kampung. Ada di antara pegawai-pegawai yang diamanahkan untuk melaksanakan projek-projek seperti ini tidak mempunyai rasa tanggungjawab dan dedikasi terhadap tugas mereka. Sikap acuh tak acuh masih lagi menyelubungi perasaan setengah-setengah pegawai muda yang diberi tanggungjawab yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh ucapan yang telah dibuat oleh rakan saya dari Keningau di Dewan yang mulia ini berhubung dengan kenyataan Yang Berhormat itu kononnya berlaku penjualan Kad-kad Pengenalan kepada orang-orang pelarian di negeri Sabah. Saya tidak bermaksud mengulas lebih lanjut mengenai perkara ini kerana saya tidak mempunyai bukti yang jelas untuk menyokong kenyataan itu, akan tetapi adalah diragukan sama ada kejadian tersebut benar memandangkan dari segi keupayaan kepada orang-orang pelarian tersebut untuk membayar harga Kad-kad Pengenalan. Lagi pun tugas memproses Kad-kad Pengenalan adalah dilakukan di Kuala Lumpur. Kalau ramai penduduk asli di negeri Sabah yang sukar untuk mendapatkan Kad-kad Pengenalan, betapa pula halnya kepada orang-orang yang tidak mempunyai surat-surat kenyataan tentang diri mereka. Tetapi seandainya perkara ini benar dan ada berlaku, maka saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya menjalankan penyiasatan yang rapi terhadap perkara ini kerana ianya adalah merupakan satu perbuatan yang serius. Saya merakutkan sekiranya orang-orang pelarian boleh membayar dengan harga yang mungkin begitu murah bagi mendapatkan Kad Pengenalan, apakah tidak mungkin terdapat masyarakat yang kaya raya di negara ini yang dapat membeli Kad-kad Pengenalan dengan harga yang lebih tinggi? Kerana itulah saya menyeru supaya penyiasatan yang rapi dan teliti dapat dijalankan bagi membenters kejadian yang tidak diinginkan ini dari terus berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan 1981.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

6.08 ptg.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong cadangan Rang Undang-undang Belanjawan 1981 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 17hb Oktober, 1980 yang baru lalu. Saya berpendapat Rang Undang-undang ini seolah-olah "lailatul-kadar" yang diturunkan kepada rakyat di negara ini. Sebagai bukti ialah pesawah-pesawah padi tidak terfikir yang mereka mendapat imbuhan daripada harga padi yang telah dijual dan yang akan dijual oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan khasnya dan pucuk pimpinan amnya kerana berjaya menciptakan sebuah perancangan anggaran kewangan negara yang mendatangkan begitu banyak faedah kepada rakyat dan tidak pula meminta rakyat memikul beban untuk mengisi tabung peruntukan itu. Oleh itu, saya mengucapkan terima kasih di atas faedah-faedah yang diberikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, faedah-faedah yang saya katakan ini dapat pula diterima secepat kilat iaitu Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan membentangkan Rang Undang-undang Belanjawan ini pada 17hb Oktober, 1980 di Dewan yang mulia ini, pesawah-pesawah dapat menerima tunggakan subsidi harga padi mereka hanya dalam masa 1-2 hari yang berikutnya secara langsung.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Belanjawan yang begini molek dan menarik masih terdapat suara-suara yang mengatakan tidak baik. Saya berani menyatakan di sini mereka yang mengatakan tidak baik itu ialah mereka yang pudar harapannya untuk mengelirukan rakyat melalui Rang Undang-undang Belanjawan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa mendengar ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan tahun 1981 yang baru lalu, saya teringat kepada berita di akhbar yang menyiarkan ucapan Pegawai Tadbir dengan membuat pengumuman dalam masalah peruntukan

kewangan yang didapati oleh Jabatan mereka pada tahun yang akan datang. Perkara ini tersiar di surat-suratkhbar pada 14hb sedangkan Belanjawan dikemukakan di Dewan ini pada 17hb. Perkara ini agak anih sedikit, tetapi pegawai itu telah mengetahui dan berani pula membuat pengumuman. Saya rasa perkara ini berlaku adalah disebabkan terlampau bebas pegawai-pegawai kita membuat komen dalam satu-satu hal hinggakan peruntukan kewangan yang belum diluluskan dan belum dikemukakan di Dewan inipun telah berani pegawai yang berkenaan membuat pengumuman.

Untuk perhatian pihak yang berkenaan saya ada petikan di sini, saya tidak menyebut siapa pegawainya dan dari Jabatan apa pegawai itu, tetapi bolehlah disemak pada suratkhbar Utusan Melayu bertarikh 14hb Oktober, 1980 pada muka surat 7, di sana ada dicatit berita yang berkenaan dan juga surat-surat khabar yang lain pada hari yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini adalah merupakan rahsia, jika perkara rahsia yang begini ada orang berani mengumumkan secara terbuka tentulah perkara-perkara rahsia berkenaan dengan kenaikan cukai juga boleh jadi diketahui oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan juga mengumumkannya kepada pihak-pihak yang berkehendakkannya. Inilah satu daripada unsur yang menyebabkan ahli-ahli perniagaan ada yang menyorok barang-barang keperluan untuk negara ini bagi faedah mereka untuk mendapat keuntungan dan faedah yang lebih besar apabila kenaikan harga diumumkan dan harga barang tersebut naik pada suatu masa tertentu. Saya berpendapat perkara ini perlulah diambil perhatian dan dibuat tindakan yang sesuai supaya pegawai kita itu ataupun mana-mana pihak yang tidak berkenaan tidak akan membocor apa-apa rahsia yang masih sulit seperti peruntukan kewangan yang belum dikemukakan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga terdapat hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dijawab oleh pihak-pihak lain di akhbar-akhbar pada hal jawapan itu patut diberi kepada Yang Berhormat Menteri-menteri yang berkenaan. Perkara ini juga tidak patut

dibiarkan begitu sahaja kerana kita mengemukakan sesuatu masalah di Dewan yang mulia ini adalah mengharapkan penjelasan yang rasmi daripada Menteri-menteri yang berkenaan ataupun wakilnya, tidak perlu jawapan daripada mana-mana pihak lain yang tidak berkenaan di luar Dewan yang mulia ini. Jika kita memerlukan keterangan daripada mereka, kita boleh telefon sahaja dengan tidak payah menunggu Dewan yang mulia ini bersidang.

Selain daripada itu izinkan saya menarik perhatian pihak-pihak yang berkenaan supaya merenong dengan teliti perkembangan beberapa masalah di antaranya ialah masalah pelajaran dalam negara kita. Tidaklah keterlaluan jika saya katakan usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian yang berkenaan telah berjaya, tetapi masih terdapat perkara-perkara yang perlu diambil perhatian dan tindakan supaya lebih berjaya lagi. Pusat-pusat pengajian atau persekolahan dalam negara kita masih ada yang perlu diselaras-kan dan ditadbirkan di dalam satu jurusan sahaja. Pada masa ini sekolah-sekolah agama Islam ada yang ditadbirkan oleh Kementerian Pelajaran dan ada pula yang ditadbirkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Sekolah-sekolah yang ditadbirkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri itu adalah berbeza dalam beberapa hal antara satu negeri dengan negeri-negeri yang lain. Ada yang sukatan pelajarannya berlainan, ada yang susunan mata-pelajarannya berlainan ataupun kurikulumnya berbeza dan ada pula beberapa perkara lain yang berlainan. Guru-guru yang mengajar pelajaran agama Islam itu pula ada yang di bawah kekuasaan Kementerian Pelajaran dan ada pula yang di bawah kekuasaan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang saya timbulkan ini ialah masalah pentadbiran pelajaran, pengajaran dan pembelajaran, bukannya masalah pentadbiran hukum atau hal ehwal agama Islam. Oleh itu sudahlah sampai masanya pihak-pihak yang bertanggungjawab bertindak untuk menyatukan pentadbiran pelajaran di bawah satu bentuk atau satu pentadbiran sama ada matapelajaran yang diajarkan itu pelajaran Agama Islam, Pelajaran Bahasa Arab, Pelajaran Bahasa Malaysia ataupun lain-lain matapelajaran.

Pentadbiran sekolah-sekolah agama di bawah Kerajaan-kerajaan Negeri jauh berbeza dengan sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran. Ini termasuklah dalam hal penempatan guru-guru, persediaan alat-alat keperluan pengajaran, persediaan pekerja-pekerja bukan guru dan buku-buku teks. Hasil daripada perbezaan ini telah digunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk diputarbelitkan oleh mereka dengan mengatakan Kerajaan kita kurang mengambil berat di dalam masalah pelajaran agama Islam di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bantuan wang kepada sekolah-sekolah yang dikenali dengan peruntukan LPBT atau LPK, peruntukan Sains Hisab, peruntukan Perpustakaan dan peruntukan Seni Lukis serta Seni Perusahaan yang diberi pada hari ini ialah mengikut nilai yang dibuat pada masa 7 atau 8 tahun yang lalu, sedangkan pada hari ini harga barang-barang telah melambung naik beberapa kali ganda daripada masa mulanya peruntukan itu dibuat. Oleh itu pada hari ini keadaan sekolah-sekolah perlu diambil perhatian kerana alat-alat yang diperlukan tidak dapat disediakan dengan secukupnya.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak yang berkenaan kerana memberi peruntukan wang yang sesuai kepada Kementerian Pelajaran yang akan membolehkan Kementerian itu membuat kajian untuk menambah lagi pemberian bantuan wang kepada sekolah-sekolah dalam perkara-perkara yang telah saya katakan tadi supaya pihak sekolah-sekolah dapat menyediakan alat-alat keperluannya yang mana harga barang-barang tersebut dapat diongkosi dengan nilai bantuan yang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada satu masa yang lalu Dewan yang mulia ini telah diberitahu iaitu guru-guru yang diberi kursus untuk mengajar murid-murid lembam hanya 25 orang sahaja pada tiap-tiap satu tahun, hingga hari ini kita masih terdapat guru-guru yang diperlukan untuk mengajar murid-murid lembam itu sangat kecil bilangannya jika dibandingkan dengan ramainya murid-murid lembam yang ada di sekolah-sekolah.

Untuk mengatasi masalah ini Kementerian yang berkenaan hendaklah menambah lagi bilangan guru-guru yang diberi kursus untuk

mengajar murid-murid lembam itu daripada 25 orang pada tiap-tiap tahun hendaklah dilipatgandakan beberapa kali ganda lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah dapati ada ramai murid-murid masuk sekolah menengah tetapi masih belum beberapa boleh membaca dan ada di antaranya yang langsung tidak tahu membaca. Ini juga disebabkan oleh murid-murid yang lembam atau kurang mendapat perhatian ataupun guru yang khas untuk mengajar mereka masih terlalu kecil bilangannya ataupun disebabkan oleh beberapa perkara yang lain lagi.

Dalam masalah ini kita perlu mengingat kembali kepada Dasar Pelajaran negara kita, adakah kita berhajatkan supaya semua murid-murid diberi pelajaran sahaja bukan supaya mereka mempunyai pelajaran atau kita membiar begitu sahaja sepanjang zaman. Kita semua maklum bahawa hajat kita ialah supaya kanak-kanak itu mempunyai pelajaran. Oleh itu kita perlu memikirkan dengan serius supaya matlamat ini tercapai. Adakah sistem peperiksaan hari ini elok diteruskan ataupun dikaji semula supaya satu sistem peperiksaan cara yang lebih sesuai dengan kehendak kita dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kemasukan penuntut-penuntut ke universiti di dalam negara ini mengikut formula yang berjalan sekarang ini adalah perlu diteruskan dengan tujuan untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru ataupun boleh dikatakan Dasar Ekonomi Negara bagi menempatkan bumiputra atau orang-orang Melayu di dalam semua jurusan bukan sahaja 30% tetapi perlu tidak kurang daripada 51%. Kita sukacita mengharapkan supaya perkara ini tidak diputarbelitkan atau tidak digunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk kepentingan mereka atau golongan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kaum nelayan di negara kita adalah satu perkara yang masih perlu diberi perhatian dengan ber-sungguh-sungguh dan difikirkan secara teliti. Dalam menseimbangkan perkara ini hendaklah diambil kira dua perkara. Yang pertama membela nasib kaum nelayan dan keluarganya dan yang kedua keperluan negara di atas hasil tenaga kaum nelayan itu. Jika hendak memperbaiki nasib hidup kaum nelayan itu dan keluarganya sahaja tentulah dengan

mudah sahaja boleh diambil tindakan oleh Kerajaan; sama ada mereka itu ditempatkan di rancangan-rancangan tanah atau lain-lain cara yang lebih mudah tetapi bagaimana pula keperluan negara untuk mendapatkan bekalan ikan ataupun hasil daripada tenaga nelayan tersebut. Oleh itu adalah baik jika nelayan ini terus menjadi nelayan tetapi pembelaan yang sepenuhnya hendaklah diusahakan bersungguh-sungguh hingga mencapai dua matlamat yang dikatakan tadi; iaitu kehidupan mereka dan keluarganya sempurna dan sesuai dengan tarafnya sebagai seorang rakyat di dalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Hasil yang diperlukan daripada tenaga mereka pula memuaskan untuk menampung keperluan negara.

Saya telah memahami bahawa nelayan-nelayan kita dalam keadaan serba salah, hendak meneruskan tangkapan ikan di tepi pantai sahaja pendapatannya tidak memuaskan, hendak pula menangkap ikan di perairan antarabangsa atau di laut dalam ataupun di sempadan negara jiran mereka selalu diganggu oleh lanun yang lengkap dengan senjata. Nelayan-nelayan kita memberi gelaran kepada lanun-lanun itu sebagai "perompak ala tentera".

Oleh itu satu cara yang berkesan bagi membantu kaum nelayan untuk menjaga keselamatan mereka dan harta benda mereka hendaklah diadakan. Saya percaya jika perkara ini dapat diatasi dengan sempurna tentulah ramai nelayan kita berminat dan berusaha mengikut seruan Kerajaan bagi mengadakan peralatan menangkap ikan di laut dalam.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di kawasan Parlimen Tanjung Karang mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertanian kerana telah menyediakan berbagai-bagai projek untuk menambah sempurnakan pertanian di kawasan itu. Jalan-jalan diperlukan oleh petani-petani telah disediakan; parit dan taliair telah dibuat khasnya pula melalui projek Barat Laut Selangor sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Sabak Bernam sebentar tadi. Tetapi air yang hendak disalurkan ke dalam sawah-sawah yang berkenaan tetapi daripada sumber yang sedia ada dan ikhtiar untuk menyimpan air tersebut belum lagi dapat dibuat dengan sempurna.

Berpunca daripada kesah inilah yang menyebabkan bekalan air di kawasan Parlimen Tanjung Karang selalu tidak mencukupi dan kadangkala kekeringan waktu diperlukan oleh pesawah-pesawah. Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita memohon kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengambil tindakan dengan segera untuk mengadakan satu takungan air yang sempurna supaya air dalam takungan yang masih belum digunakan tidak terus dibuang ke laut seperti hari ini. Jika air yang datang pada musim tengkujuh dapat disimpan semua tentulah air tersebut boleh digunakan pada bila-bila masa yang diperlukan.

Di dalam akhbar kita selalu terbaca berita yang mengatakan anak-anak padi diserang oleh sejenis serangga yang dinamakan "bena perang" dan padi-padi yang musnah itu hingga beribu-ribu ekar luasnya. Tikus juga turut serta untuk memusnahkan padi hingga beratus-ratus ekar. Kementerian yang berkenaan melalui Jabatan yang berkenaan telah mengeluarkan beratus ribu ringgit pada sesuatu musim untuk membantu petani-petani bagi menyelamatkan padi mereka.

Walau bagaimanapun, untuk jangka pendek bolehlah dibuat begitu tetapi untuk sepanjang masa tentulah kurang bermanfaat. Kami petani-petani di kawasan perairan Tanjung Karang berpendapat musuh padi ini boleh dihapuskan jika sawah di kawasan tersebut dapat dibuat serentak iaitu pada masa padi semua telah dipotong, sawah semua kawasan dapat dikeringkan, musuh padi tersebut tiada tempat hendak berlindung lagi.

Perkara ini dapat dibuktikan iaitu padi-padi yang rosak ini ialah di kawasan sempadan perbezaan masa menanam padi itu. Di kawasan yang jauh daripada sempadan perbezaan masa menanam padi ini adalah selamat. Ini menunjukkan musuh padi tersebut berpindah dari satu kawasan ke satu kawasan di mana anak-anak padi sedang membesar. Perkara besar yang menghalang petani itu menyamakan masa menanam padi ialah kekurangan air sedangkan di antara satu kawasan dengan kawasan yang lain perbezaan masa menanam padi dan perbezaan masa menggunakan air pun tidak cukup apatah lagi jika masa nenuai padi serentak tentulah menggunakan air pun serentak juga bagi semua kawasan, sudah pastilah air sangat berkurangan.

Oleh itu saya merayu lagi sekali kepada Kementerian yang berkenaan supaya membuat satu kajian dengan segera bagaimana hendak mengadakan satu takungan air atau satu kawasan takungan air yang sempurna dan kokoh untuk menyimpan air seberapa banyak yang boleh supaya air itu dapat digunakan bila-bila masa yang diperlukan. Apabila kawasan takungan air ini dapat dibuat dengan sempurna dan bentengnya cukup kuat tentulah air yang turun pada musim hujan atau musim tengkujuh dapat disimpan. Tidaklah seperti hari ini air dalam takungan yang sangat berguna itu terpaksa dibuang ke laut kerana benteng takungan air yang ada sekarang tidak cukup kuat dan ditakuti roboh dan musnah, pada hal air yang belum digunakan dan dibuang ke laut itu sangat berguna kepada pesawah-pesawah jika dapat disimpan dalam takungan yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, kakitangan Kerajaan dan kakitangan Badan-badan Berkanun telahpun diberi kenaikan gaji mereka tetapi

kakitangan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) belum lagi diberi kenaikan gaji. Saya rasa sudah sampailah masanya Kerajaan mengkaji semula gaji atau elaun kakitangan Jabatan KEMAS ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat hendak menyambung lagi esok?

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Hendak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh sambung esok.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, 29hb Oktober, 1980.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*